

DR.8.4.96

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II **Bil. 8** **Hari Isnin** **8hb. April, 1996**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan)

USUL:

Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
■ Y.B. Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin (Yan) (Ruangan)

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN**PENYATA RASMI PARLIMEN****Penggal Yang Kedua****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Dato’ Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)

- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoo Seng (Padawan)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

Yang Berhormat Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)

- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)

- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)

Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)

- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)

- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)

Yang Berhormat Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)

- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

“ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

Yang Berhormat Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

“ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)

- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

Yang Berhormat Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 8hb. April, 1996****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN****BERNAS - BANTUAN PENDAHULUAN KEPADA
PETANI/PESAWAH**

1. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak beliau bercadang untuk mengkaji peranan/fungsi BERNAS bagi maksud dapat memberi pendahuluan kepada petani-petani/pesawah-pesawah padi sebelum mereka memulakan kerja-kerja pertanian mereka. Jika ya, bilakah akan dapat dilaksanakan; jika tidak, agensi manakah yang dapat menjalankan peranan ini secara berkesan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kangar, kerajaan tidak bercadang untuk menyemak semula peranan ataupun fungsi BERNAS untuk membolehkan pendahuluan diberi kepada petani ataupun pesawah-pesawah padi sebelum mereka memulakan usaha menanam padi.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pertanian melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Bank Pertanian Malaysia sudahpun menyediakan kemudahan skim subsidi baja, kemudahan infrastruktur seperti pengairan dan saluran serta skim kredit kepada golongan tersebut. Oleh itu, kerajaan berpendapat tidak perlu BERNAS terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang sama.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam prestasi BERNAS kita dapat tahu bahawa ianya kurang mendapat sambutan daripada penjual-penjual padi oleh kerana kononnya pegawai-pegawai BERNAS dan kerani-keraninya balik pukul 4.15 petang sedangkan syarikat-syarikat lain katanya dibuka sampai pukul 10.00 malam.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan ataupun didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut adalah benar kerana BERNAS sebelum awal tahun ini adalah satu agensi kerajaan dan sebagai sebuah agensi kerajaan, ia mengikut prosedur kerajaan iaitu datang pukul 8.00 pagi dan balik 4.15 petang. Tetapi pada masa ini BERNAS telah pun menjadi satu badan korporat dan saya berjanjilah kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut akan meminta pihak BERNAS, khususnya Pengerusi barunya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong agar memindahkan paradigma kerja BERNAS, iaitu kerja untuk memaksimumkan pendapatan BERNAS sebagai sebuah badan korporat yang mencari keuntungan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ramai petani ingin bertanya siapakah milik dan pemegang saham di dalam BERNAS itu? Dan adakah BERNAS akan memberi potongan yang sama dengan potongan padi yang diberi oleh kilang-kilang asing kerana argument mereka ialah kalau kilang bersendirian boleh memberi potongan yang begitu besar, mengapakah BERNAS tidak boleh? Inilah sebab-sebabnya petani-petani menjual padi kepada kilang-kilang swasta dan tidak kepada kilang-kilang BERNAS.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan kedua dahulu iaitu mengenai dengan kadar potongan, apabila dibandingkan

potongan yang dibuat oleh LPN dengan kilang-kilang swasta dahulunya memanglah kilang-kilang swasta telah memberi kadar potongan yang memuaskan petani. Tetapi sekarang ini, sebagaimana yang saya katakan tadi, BERNAS telah pun menjadi satu syarikat dan boleh melakukan sedemikian, saya fikir andaian itu agak salah kerana sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, selain daripada ingin membuat keuntungan, BERNAS juga mempunyai fungsi-fungsi yang akan menolong kerajaan.

Misalannya, BERNAS selain daripada menjual dan membeli padi, juga menguruskan pembayaran subsidi harga padi kepada pesawah yang mana kilang-kilang lain pun ada juga buat, tetapi yang kedua, menguruskan stockpile beras negara. Ini penting kerana stockpile beras negara mesti dipertahankan. Sepertimana Yang Berhormat Tuan Speaker sedia maklum, kos adalah tinggi dan pihak BERNAS mesti berwaspada.

Yang ketiga, memastikan harga beras yang stabil dan berpatutan kepada pengguna. Ini bukan fungsi kilang-kilang swasta yang lain dan BERNAS kena buat kerja ini.

Keempat, melaksanakan harga minimum terjamin padi kepada pesawah.

Jadi, oleh sebab usaha-usaha selain daripada BERNAS menjadi satu syarikat yang keseluruhannya menjalankan kerja sebagai pihak korporat, tetapi BERNAS juga diberi empat fungsi regulatory ini. Jadi, BERNAS mesti menjalankan pemotongan mengikut kriteria-kriteria yang telah digariskan oleh Kementerian Pertanian.

Untuk menjawab soalan yang kedua, BERNAS adalah dimiliki oleh beberapa kumpulan dan kebanyakan kumpulan ini adalah yang dipunyai oleh petani-petani sendiri, misalannya Persatuan Pertubuhan Peladang Kebangsaan ada 10%, Persatuan Nelayan 10%, Syarikat Perniagaan Peladang MADA 10%, Syarikat Perniagaan Peladang KADA

ataupun KEMUBU 10% dan lain-lain itu adalah dipunyai oleh badan-badan ataupun syarikat-syarikat persendirian dan juga yang ada kaitannya dengan BERNAS sendiri, iaitu pengurusan kakitangan BERNAS sendiri mempunyai 10%. Sekian.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) - LANGKAH MEMPERGIATKAN

2. **Dato' Hew See Tong [Kampar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempergiatkan lagi perkembangan dan pelaburan di dalam industri kecil dan sederhana (IKS) dalam usaha meningkatkan pertukaran wang asing dan memberi sumbangan terhadap imbalan perdagangan yang positif.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, salah satu peranan Industri Kecil dan Sederhana dalam pembangunan perindustrian negara adalah sebagai industri penyokong dalam pembekalan input perindustrian kepada syarikat-syarikat besar melalui hubungan rantaian perindustrian. Hampir 86.4% daripada syarikat-syarikat yang terlibat di dalam sektor perkilangan terdiri daripada syarikat-syarikat IKS. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mempergiatkan lagi perkembangan dan pelaburan di dalam industri kecil dan sederhana dalam usaha meningkatkan pertukaran wang asing dan memberi sumbangan terhadap imbalan perdagangan yang positif adalah seperti berikut:-

- (i) Dasar Pelaburan Domestik yang telah dilancarkan pada bulan April 1993 bertujuan untuk meningkatkan minat dan penyertaan industri-industri tempatan dalam sektor perkilangan. Satu tabung pelaburan domestik berjumlah RM1 bilion telah ditubuhkan. Antara tujuan utama tabung tersebut adalah untuk meningkatkan keupayaan industri tempatan untuk berkembang khususnya industri sokongan.

Dasar ini juga menekankan tentang peningkatan teknologi, keupayaan penyelidikan dan pembangunan dan reka bentuk. Sebanyak 5 seminar telah diadakan sepanjang tahun 1995 di Alor Setar, Kota Kinabalu, Kuantan, Seremban dan Johor Bahru untuk memaklumkan kepada pelabur tempatan tentang polisi pelaburan kerajaan dalam sektor pembuatan dan tentang peluang-peluang yang ada.

- (ii) Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian IKS yang ditubuhkan pada tahun 1990 bertujuan meningkatkan keupayaan IKS supaya menjadi sektor yang maju, moden, berkualiti dan boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bantuan kewangan diberi kepada IKS melalui empat skim iaitu Skim Khidmat Perundingan (ITAF 1), Skim Pembangunan dan Reka Bentuk Barangan (ITAF 2), Skim Peningkatan Kualiti dan Produktiviti (ITAF 3) dan Skim Pembangunan Pemasaran (ITAF 4).

Di bawah program ini, bantuan adalah diberi dalam bentuk geran bersamaan, matching grant, dengan izin iaitu 50% kos projek ditanggung oleh kerajaan dan 50% bakinya ditanggung oleh pengusaha, tertakluk kepada had maksimum bantuan yang ditetapkan bagi tiap-tiap skim.

- (iii) Skim Pinjaman Mudah Untuk Meningkatkan Kualiti Industri Kecil dan Sederhana yang dikendalikan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad bertujuan untuk memoden serta meningkatkan kualiti dan produktiviti projek, membantu usahawan bumiputera menceburi bidang-bidang baru

yang berpotensi. Kemudahan yang disediakan adalah termasuk pembiayaan mesin, peralatan dan kenderaan yang diperlukan oleh projek serta pembiayaan modal pusingan. Kadar faedah bagi pinjaman tersebut ialah 4% setahun dengan maksimum pinjaman berjumlah sebanyak RM1 juta.

- (iv) Skim Pinjaman Mudah Modenisasi dan Automasi yang dikendalikan oleh MIDF bertujuan untuk menggalakkan pemodenan dan automasi IKS melalui penggunaan teknologi moden. Kemudahan yang disediakan adalah untuk pembelian mesin dan kelengkapan. Kadar faedah pinjaman tersebut ialah 4% setahun dengan maksimum pinjaman juga berjumlah sebanyak RM1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan langkah-langkah yang tersebut industri kecil dan sederhana akan dapat meningkatkan keupayaan dan pengeluarannya untuk mengeluarkan barang-barang atau komponen-komponen yang mempunyai kualiti tinggi. Ini akan mengurangkan import dari luar negeri dan seterusnya akan meningkatkan pertukaran wang asing dan menimbulkan imbalan pembayaran yang positif.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat memberikan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memberi kerjasama kepada pihak pengusaha industri kecil dan sederhana dari segi premis mereka membuat perusahaan, memandangkan ramai pengusaha kecil dan sederhana sentiasa menghadapi tindakan undang-undang daripada pihak berkuasa tempatan kerana premis yang mereka berniaga tidak sesuai dari segi kesihatan, kebersihan dan perancang bandar dan desa.

Mereka diberikan notis tiga bulan untuk berpindah atau berhenti berniaga. Misalnya mereka dapat pertolongan dari segi kewangan tetapi premis tidak sesuai, ini akan menjejaskan perkembangan industri kecil dan sederhana.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menggalakkan industri kecil dan sederhana dijalankan di premis yang halal atau yang lawful atau legal, dengan izin, tetapi kerajaan tidak boleh menggalakkan industri kecil dan sederhana mengadakan pengilangannya di tempat yang haram.

Inilah satu perkara yang kurang diselesaikan oleh pengusaha industri kecil dan sederhana dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menyediakan sebanyak mungkin tapak industri untuk industri kecil dan sederhana. Kepada sesiapa yang berminat, cubalah menjalankan IKS di dalam tapak yang diluluskan itu.

KUALA LUMPUR INTERNATIONAL AIRPORT (KLIA) - PERKEMBANGAN PEMBINAAN

3. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Pengangkutan menjelaskan:-

- (a) perkembangan pembinaan lapangan terbang Kuala Lumpur setakat ini; dan
- (b) bilangan kontraktor dan juruperunding tempatan yang mengambil bahagian dan nilai kerja yang ditawarkan kepada usahawan bumiputera.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek Kuala Lumpur International Airport (KLIA), Sepang sedang giat dijalankan dan projek ini akan siap dibina sepertimana yang dijadualkan iaitu pada penghujung tahun 1997 untuk membolehkan operasi dimulakan pada

awal tahun 1998. Pelaksanaan projek ini dibahagikan kepada 81 pakej bagi kemudahan-kemudahan yang dikendalikan secara terus oleh KL International Airport Bhd. (KLIAB). Daripada jumlah pakej tersebut, 40 pakej telah pun ditawarkan, 11 pakej adalah dalam peringkat penilaian manakala 3 pakej lagi sedang ditender. Tender bagi 27 pakej kerja lagi dijangka akan dipanggil dan ditawarkan sebelum pertengahan tahun ini.

- (b) Sehingga kini, sebanyak 59 kontraktor tempatan dan 37 juruperunding tempatan telah mengambil bahagian dalam kerja-kerja pembangunan KLIA. Nilai kerja yang ditawarkan kepada usahawan bumiputera ialah lebih kurang RM1.762 bilion ataupun 34% daripada jumlah sebanyak RM5.203 bilion yang ditawarkan setakat ini. Di samping itu, beberapa pakej kerja berjumlah lebih kurang RM3.248 bilion dikenal pasti untuk ditawarkan kepada usahawan bumiputera.

Secara amnya, kontraktor serta juruperunding yang dilantik ialah berdasarkan konsortium di mana penyertaan syarikat tempatan dan bumiputera telah pun diambil kira. Kerajaan berpuas hati mengenai penyertaan bumiputera memandangkan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam projek-projek ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Yang pertama, mungkin soalan ini lewat ditanya, tetapi saya hendak tahu apakah kriteria sebenarnya KLIA ini dibina di Sepang? *[Ketawa]*

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, satu soalan lagi iaitu, walaupun tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan lapangan terbang itu akan siap dalam jangka masa 1998, tetapi saya difahamkan ada kelewatan di setengah-setengah kontrak yang

telah ditawarkan. Jadi, adakah kelewatan ini yang akan menyebabkan target untuk pembukaan lapangan terbang ini?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Yan, sebenarnya sebelum tapak lapangan terbang KLIA di Sepang ini dipilih, pada tahun 1991 terdapat 8 lokasi (site) alternative yang diberikan kepada kerajaan dan selepas meneliti semua 8 tapak lokasi ini didapati bahawa tapak di Sepang, yang mana Lapangan Terbang KLIA dianggap paling sesuai oleh kerana tanah yang diambil untuk membina lapangan terbang ini agak merupakan satu lapangan terbang besar (antarabangsa) dan tanah lokasi di Sepang memang mencukupi dan melebihi 10,000 hektar dalam areanya, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, kerajaan mendapati bahawa tapak di Sepang amat sesuai oleh kerana ianya berhampiran dengan Bandaraya Kuala Lumpur dan kalau penumpang-penumpang ingin pergi dari Kuala Lumpur ke Sepang hanya mengambil masa 30 minit sahaja boleh sampai.

Yang ketiga, lokasi Sepang dipilih oleh kerana lokasi Sepang amat sesuai juga memenuhi semua syarat-syarat aeronautical, dengan izin.

Satu lagi syarat yang agak penting dalam pemilihan ini adalah berkenaan dengan pemetaan (topography) iaitu mengenai topographical tanah di Sepang. Ini adalah berdasarkan beberapa syarat-syarat yang didapati sesuai, maka tapak di Sepang dipilih untuk membina Kuala Lumpur International Airport.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang kedua, saya difahamkan sepanjang pengetahuan saya semua pakej-pakej kontrak yang ditawarkan kepada kontraktor agak berjalan dengan lancar dan mengikut jadual. Jika ada kelewatan pun hanya di peringkat

bangunan satelit, bangunan satelit ini merupakan salah satu pakej yang penting. Walaupun kontraktor sedang menjalankan kerja tetapi baru-baru ini didapati agak lewat beberapa bulan. Oleh yang demikian, KLIAB iaitu Kuala Lumpur International Airport Berhad sedang mengawal selia kerja-kerja yang dijalankan oleh kontraktor tersebut bagi pakej yang tersebut. Walau bagaimanapun, didapati kelewatan beberapa bulan ini tidak akan menjejaskan tarikh operasi KLIA ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian].

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian] tidak hadir]

**BEKAS PERAJURIT - ADUAN KURANG LAYANAN DARIPADA
JABATAN/AGENSI KERAJAAN**

5. **Puan Rohani binti Abd. Karim [Santubong]** minta Menteri Pertahanan menyatakan tentang sungutan bekas perajurit mengenai kurang layanan yang diberi kepada mereka semasa memohon bantuan daripada jabatan-jabatan/agensi-agensi kerajaan. Bagaimana cadangan kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]:
Tuan Yang di-Pertua, masalah kurang layanan oleh jabaan-jabatan/agensi-agensi kerajaan terhadap bekas perajurit atau mana-mana kumpulan dan individu tidak sepatutnya berlaku. Ini adalah kerana sememangnya menjadi tugas dan tanggungjawab setiap jabatan/agensi kerajaan memberikan perkhidmatan dan layanan yang sebaik mungkin terhadap semua orang. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu kadangkala memang berlaku perkara yang kurang menyenangkan dan boleh menyinggung perasaan antara kedua belah pihak yang mungkin berpunca dari kegagalan untuk memahami masalah antara satu sama lain. Pada umumnya peningkatan layanan di

jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan semakin bertambah baik dengan terlaksananya program TQM dan lain-lain Arahan Kemajuan Pentadbiran.

Pihak Kementerian Pertahanan mencadangkan sekiranya berlaku ketidakpuasan di atas layanan oleh mana-mana jabatan/agensi kerajaan, pihak yang terlibat bolehlah membuat aduan terus kepada pihak pengurusan atasan jabatan/agensi berkenaan ataupun kepada Biro Pengaduan Awam.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa dalam mengagihkan kerja-kerja kontrak kerajaan kepada bekas-bekas perajurit ini, Persatuan Bekas Perajurit telah diarah menubuhkan satu konsortium, konsortium kontraktor di kalangan mereka bagi memastikan supaya kerja-kerja diagih secara sama rata untuk menjaga kepentingan mereka. Sejauh manakah konsortium yang dibentuk oleh Persatuan Bekas Perajurit ini dapat menjaga kepentingan keahlian, kerana kita dengar banyak rungutan daripada bawah yang mereka ini masih diketepikan?

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini dalam pengetahuan saya belum ada lagi konsortium yang ditubuhkan oleh kontraktor-kontraktor yang juga menjadi ahli Persatuan Bekas Perajurit. Walau bagaimanapun, kita menggalakkan persatuan ini agar membuat apa yang perlu bagi memastikan supaya segala permohonan untuk mendapatkan kontrak itu dapat diselaraskan sebaik mungkin agar tidaklah menjadi masalah perlawanan ataupun persaingan yang amat sangat antara satu sama lain.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya bekas-bekas perajurit ini selalu berhubung dengan jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan kerana memerlukan bantuan. Kalau boleh mereka juga tidak ingin terlalu

bergantung kepada agensi-agensi ini. Jadi apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bagi menggalakkan supaya bekas-bekas perajurit ini dapat menceburkan diri dalam bidang mencari rezeki yang boleh berdiri di atas kaki sendiri.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menubuhkan sebuah badan yang dipanggil PERHEBAT (Persatuan Hal Ehwal Kebajikan Bekas Perajurit). Dalam masa dua tahun yang lampau persatuan ini adalah bertugas bagi memberi latihan, didikan dan kursus kepada mereka yang bakal bersara daripada perajurit dan juga kepada mereka yang telah pun bersara serta memberi lain-lain peluang dan kemudahan untuk mereka menjalankan kerja-kerja dan tugas-tugas mereka selepas bersara.

Setakat ini kita dapat lihat ada banyak perkembangan walaupun hanya dua tahun baru ditubuhkan. Kita yakin dari masa ke semasa badan ini akan dapat membantu lebih ramai lagi mereka yang dianggap sebagai bekas perajurit.

TABUNG PAMPASAN KEMALANGAN JALAN RAYA - CADANGAN DITUBUHKAN

6. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah kementerian bercadang untuk menubuhkan Tabung Pampasan Kemalangan Jalan Raya memandangkan 60 peratus kes sivil yang dihadapkan ke mahkamah melibatkan kemalangan jalan raya sedangkan sesuatu kes yang dibawa itu lazimnya memakan masa yang terlalu panjang baru dapat diselesaikan dan itu pun ada kalanya mangsa kemalangan atau tanggungan mereka langsung tidak mendapat pampasan setelah menderita dan menunggu sekian lama; dan
- (b) adakah juga kementerian bercadang untuk membina jalan laluan motosikal di sepanjang jalan-jalan raya negeri selain daripada laluan di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan. Jika ya, bilakah boleh dimulakan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang meneliti cadangan untuk mengadakan satu skim perlindungan insurans berasaskan konsep “No Fault Claims” iaitu setiap mangsa kemalangan jalan raya akan dibayar gantirugi oleh kerajaan mengikut kadar-kadar yang ditetapkan berasaskan kepada jenis kecederaan yang dialami tanpa ditentukan pihak mana yang bersalah menyebabkan kemalangan tersebut.

Kerajaan juga akan menyediakan lorong-lorong khas untuk motosikal di mana didapati perlu dan praktikal. Program pembinaan laluan motosikal termasuklah lokasi, kos dan tarikh pembinaan adalah dalam peringkat kajian.

Tuan Lim Kit Siang: Kerajaan sudah berbincang, bercakap mengenai satu skim “No Fault Claims”, kalau tidak silap selama 20 tahun dan beberapa rombongan sudah pergi ke New Zealand di mana rancangan atau skim ini ada dilaksanakan pun selama 10-20 tahun. Jadi, bilakah kerajaan akan menyampaikan satu keputusan yang muktamad supaya skim ini boleh dilaksanakan dan semua mangsa-mangsa ataupun si keluarga boleh mendapat faedah?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tidak benar. Sebenarnya bukan 20 tahun, kemungkinan 20 bulan.

Sebenarnya pada tahun 1995 Jemaah Menteri baru membuat keputusan supaya satu kajian secara mendalam diadakan bagi mengkaji sama ada “No Fault Claims” ataupun “No Fault Liability”, konsep ini dapat digunapakai di negara kita. Oleh yang demikian, Bank Negara Malaysia dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah pun dijemput untuk membuat satu kajian secara mendalam dan kerajaan masih menunggu

laporan ini dan mereka juga diminta untuk mengkaji serta merujuk konsep ini dengan apa yang telah dilaksanakan di negara lain seperti New Zealand.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi Setiausaha Parlimen menyatakan lorong-lorong motosikal. Di manakah tempat-tempat yang ada lorong motosikal setakat ini, kerana perkara ini saya telah bangkitkan di Parlimen pada tahun 1987 dahulu? *[Ketawa]*

Tuan Chor Chee Heung: Nampak garang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kepada Yang Berhormat dari Larut yang beri cadangan ini. Sebenarnya pada tahun 1975 kalau tak silap saya - hanya tahun saya tidak begitu pasti, Malaysia adalah negara pertama di dunia ini yang telah membina lorong-lorong di tepi jalan raya untuk kegunaan motosikal. Hingga sekarang kita hanya dapat dua tempat, yang mana terdapat lorong-lorong untuk kegunaan motosikal, iaitu Lebuhraya Persekutuan dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya, selapas itu dari Petaling Jaya ke Kelang.

Kerajaan memang sentiasa mengkaji sama ada sesuai supaya lorong hanya untuk kegunaan motosikal perlu atau tidak di semua jalan-jalan, khususnya di Lebuhraya Utara-Selatan. Saya percaya kita akan mengambil kira dengan secepat mungkin jika terdapat faedah yang begitu tinggi, yang mana lorong-lorong untuk motosikal diadakan, kerajaan akan melaksanakan jika kos tidak begitu berat. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Dr. Yee Moh Chai.

[Soalan No. 7 - Y.B. Dr. Yee Moh Chai [Tanjung Aru] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Hamzah bin Ramli.

[Soalan No. 8 - Y.B. Tuan Hamzah bin Ramli [Sri Gading] tidak hadir]

**PERUNDING ASING/PEMINDAHAN TEKNOLOGI -
BAYARAN SETIMPAL**

9. **Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah bayaran yang telah dibayar kepada Perunding Asing (Foreign Consultant) pada tahun 1995 dalam semua sektor; dan
- (b) adakah bayaran yang dibayar setimpal dengan pemindahan teknologi yang diterima oleh negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar]: Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini, Kementerian Kewangan tidak mempunyai maklumat lengkap mengenai jumlah bayaran yang telah dibayar kepada perunding-perunding asing. Ini disebabkan pembayaran kepada perunding-perunding dibuat oleh Kementerian/jabatan/agensi pelaksana berdasarkan kepada kemajuan sesuatu projek itu. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran jumlah kos perkhidmatan perunding bagi projek-projek pembangunan fizikal yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan dan Perlantikan Perunding di Kementerian Kewangan bagi tahun 1995 untuk dikendalikan oleh perunding-perunding asing adalah kurang dari RM10 juta, dan bagi projek-projek di mana keputusan meluluskan pemilihan perunding dibuat oleh syarikat-syarikat kerajaan seperti Petronas, Syarikat Telekom Malaysia

Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Kuala Lumpur International airport Berhad, jumlah kos perkhidmatan perunding yang telah dibayar bagi tahun 1995 ialah RM136.juta.

- (b) Mengenai pemindahan teknologi, adalah sukar untuk kita menilai sama ada setimpal dengan bayaran yang telah kita buat atau tidak kerana ianya memerlukan kajian yang khusus di samping maklumat yang lengkap. Apa yang dapat dikatakan ialah memandangkan kelulusan untuk melantik perunding asing berasaskan keperluan sebenar di mana kepakaran yang diperlukan itu tidak wujud dalam negara kita, maka Kementerian Kewangan berpandangan manfaat yang diterima daripada perunding asing adalah setimpal dengan bayaran yang dibuat kepada mereka.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soalan (b), oleh kerana bayaran perundingan ini adalah berasaskan kepada perkhidmatan yang tidak dapat diperolehi dalam negara, dapatkah ataupun bolehkah kita katakan bahawa berlakunya perpindahan teknologi daripada menggunakan perunding asing ini?

Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar: Jawabnya dapat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa perunding asing hanya akan dilantik kalau tidak ada kepakaran tempatan. Adakah beliau sedar terdapat satu kes di mana pihak Kementerian Kewangan telah pun menandatangani satu perjanjian untuk menubuhkan Malaysian-French Institute dengan Kerajaan Perancis, di mana satu pinjaman mudah atau soft-loan, dengan izin, kira-kira RM60 juta telah diperolehi untuk mencapai hasrat MFI,

iaitu untuk memupuk atau menggalakkan pengajian dalam kursus-kursus Perancis, di mana sungguhpun pinjaman dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia, tetapi semua barang-barangan mesti dibeli daripada negara Perancis, sungguhpun ia boleh diperolehi di negara kita. Apakah maksud atau tujuan keadaan seperti ini boleh dibenarkan, lebih-lebih lagi apabila ia ditandatangani oleh pihak kementerian sendiri?

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dirujukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah mengenai dengan MARA Instiute, ataupun Malaysian-French Institut yang melatih pegawai-pegawai teknologi di bawah MARA.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kota Melaka, di dalam pinjaman dari luar negeri selalunya ada satu clause yang membolehkan yang memastikan bahawa pembelian sebahagian daripada barang-barangan, iaitu off-shore purchase dimestikan. Jadi, di sini di dalam perjanjian ini, syarat ini dipatuhi, iaitu bukanlah keseluruhan RM60 juta dibeli daripada negara Perancis, tetapi yang dimaksudkan off-shore purchase, off-shore component sebagai satu cara, iaitu cara normative yang dilakukan di dalam pinjaman luar negeri.

SUKOM - TAHAP PERBELANJAAN

10. **Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan tahap perbelanjaan yang sudah dibelanjakan dalam persiapan Sukan Komanwel 98 (Sukom) sehingga Ma, 1996. Sila nyatakan juga:

- (a) masalah fizikal yang masih dihadapi seperti keadaan kesesakan lalu lintas, apartmen, stadium dan lain-lain yang di dalam pelaksanaan sekarang; dan
- (b) langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut supaya mencapai matlamat persiapan ini mengikut jadual.

Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd.**Yassin]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga penghujung bulan Mac, 1996 Sukom 98 Berhad selaku badan pengelola Kuala Lumpur 98 telah pun berbelanja sebanyak RM20,620,403 iaitu 6.87% daripada keseluruhan anggaran RM300 juta.

Masalah fizikal yang dihadapi dalam usaha kita membuat persiapan sebagai tuan rumah Sukom Kuala Lumpur 98 adalah minimum. Kementerian Belia dan Suka sentiasa mengawasi pelaksanaan pembinaan kemudahan yang diperlukan oleh Kuala Lumpur 98.

Suka saya memaklumkan mengenai kedudukan terakhir pembinaan projek-projek yang tersebut, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, projek utama adalah Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil.

Berdasarkan laporan pertengahan bulan Mac, 1996, pembinaan stadium utama akan siap pada bulan Mac, 1998 iaitu tiga bulan lebih awal daripada tarikh siap mengikut kontrak pada 1hb. Jun, 1998.

Stadium tertutup pula akan siap pada awal bulan Mac, 1998 iaitu dua minggu daripada tarikh siap untuk kontrak pada 1hb. April, 1998.

Kompleks renang akan siap pada bulan Oktober, 1997 iaitu 24 minggu lebih awal daripada tarikh mengikut kontrak pada 1hb. April, 1998.

Sungguhpun demikian, pihak kontraktor telah pun berjanji untuk menyiapkan stadium utama dan stadium tertutup dan menyerahkan kepada pihak kerajaan pada akhir tahun 1997.

Dua buah kemudahan lain turut dibina di Bukit Jalil iaitu stadium hoki dan stadium squash. Pembinaan stadium hoki telah pun bermula awal tahun ini dan akan siap pada bulan Disember tahun ini juga. Sementara pembinaan stadium squash akan bermula dalam bulan Jun tahun ini dan dijangka siap pada bulan Ogos 1997.

Pembinaan kompleks sukan di Bukit Kiara yang mengandungi stadium bola jaring dan gelanggang bowling padang telah pun bermula dan akan dijangka siap pada September, 1997.

Projek ini menghadapi sedikit kelewatan berbangkit daripada perubahan teknikal untuk mengelakkan pemotongan tanah berlebihan yang melibatkan pertukaran pembinaan jalan masuk ke venue ini.

Walau bagaimanapun, pihak kontraktor telah diarah untuk mempercepatkan kerja-kerja supaya siap mengikut jadual yang ditetapkan. Malahan pihak kontraktor telah pun memohon kebenaran untuk melanjutkan waktu kerja.

Pembinaan kerja-kerja naik taraf dan mengubah suai kemudahan-kemudahan sukan lain dijadual bermula pada tahun ini juga.

Satu lagi kemudahan yang diperlukan oleh Sukan Kuala Lumpur 98 adalah perkampungan sukan yang akan dibina berdekatan dengan

Kompleks Sukan Negara. Pembinaan perkampungan sukan telah pun bermula dan akan diserahkan kepada pihak Sukom di dalam bulan April, 1998.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkaitan dengan kesesakan lalu lintas, saya memaklumkan di sini bahawa Kompleks Sukan Negara mempunyai dua stesen LRT, satu, berdekatan dengan stadium utama dan satu lagi berdekatan dengan perkampungan sukan. Pihak kementerian juga telah membuat pelan induk untuk membantu pergerakan para atlet, pegawai dan orang kenamaan semasa Sukan Kuala Lumpur 98 ini.

- (b) Kajian ini penting bagi mengelakkan daripada timbulnya sebarang situasi yang boleh menggugat kelancaran lalu lintas di kawasan Bukit Jalil dan kawasan sekitar khususnya semasa upacara pembukaan dan penutup Sukan Kuala Lumpur 98 di mana dijangkakan ratusan ribu manusia akan berkunjung ke sana.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kepada kontraktor-kontraktor manakah kontrak-kontrak yang telah diberikan bagi melaksanakan projek-projek Sukan Komanwel itu, sama ada di Bukit Jalil, Bukit Kiara dan perkampungan sukan.

Kenapa kepada kontraktor tersebut telah diberikan kontrak berkenaan, kenapa tidak diberikan kepada yang lain, apakah ada diskriminasi?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada diskriminasi. Sebahagian besar daripada kerja-kerja pembinaan kompleks sukan ini telah pun diswastakan kepada sebuah syarikat tempatan iaitu United Engineers, yang lain-lain kerja-kerja kontrak pembinaan bagi stadium-stadium yang di luar daripada kontrak juga kesemuanya dibina dan diuruskan oleh kontraktor tempatan.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri itu amatlah mengejutkan saya. *[Ketawa]* Di mana kita mendapat tahu bahawa physical preparation ataupun persiapan fizikal hanya dapat mencapai 6% terhadap keseluruhan projek-projek yang dijalankan, di mana lebih daripada RM10 juta telah pun dibelanjakan daripada jumlah lebih RM300 juta itu. Bagaimana kerajaan ataupun pihak yang berkenaan itu dapat mengatasi masalah yang berkenaan, memandangkan masa itu begitu singkat iaitu tahun 1998 iaitu tahun Sukom.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat ini bimbang kita tidak belanja. Kadang-kadang dia membangkitkan dalam Parlimen ini, dia marah kita berbelanja, jadi kadang-kadang pandangan dari pembangkang ini pun membuatkan kita pening kepala. *[Ketawa]*

Sebenarnya, Ahli Yang Berhormat tidak dapat menangkap apa yang telah saya sebutkan tadi. 6.87% itu dibelanjakan oleh Sukom 98. Ini syarikat yang menguruskan, jadi, perbelanjaan RM20 juta, bukan RM10 juta dan ia dibuat mengikut jadual-jadual pembayaran, jadi, bukanlah maknanya kita harus belanja sekarang sekali gus, sedangkan kerja-kerja belum siap lagi, jadi, ada jadual-jadualnya. Jangan bimbanglah, insya-Allah, kita akan jadi 'good pay master' dan segala kerja-kerja yang kita telah jadualkan akan dapat disempurnakan.

**SYARIKAT PENGAWAL KESELAMATAN - JUMLAH DAN
SYARAT LESEN**

11. **Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah lesen yang dikeluarkan bagi menubuh syarikat pengawal keselamatan sehingga kini. Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada pemegang lesen tersebut dan setakat ini adakah tindakan diambil terhadap pengusaha yang melanggar syarat yang dikenakan; dan
- (b) adakah syarikat pengawal keselamatan dibenarkan mengambil pekerja asing untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan. Jika tidak, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 31hb. Disember, 1995 sejumlah 185 lesen kawalan keselamatan telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Semua pemegang lesen tertakluk kepada syarat-syarat serta peraturan-peraturan seperti berikut:-
 - (i) Lulus tapisan keselamatan bagi anggota Lembaga Pengarah, kakitangan termasuk pengawal keselamatan dan premis perniagaan.
 - (ii) Ada penyertaan bekas Pegawai Kanan Tentera atau bekas Pegawai Kanan Polis atau bekas Pegawai Kanan Penjara dalam Lembaga Pengarah Syarikat.
 - (iii) Dilarang sama sekali mengambil pekerja asing dan pekerja secara kontrak.
 - (iv) Melaporkan kepada kementerian tentang bilangan dan jenis senjata api yang dikeluarkan oleh polis setiap tahun

serta mematuhi semua tatacara penyimpanan dan penggunaan senjata api.

- (v) Pengawal keselamatan memakai pakaian seragam sebagaimana yang ditetapkan.
- (vi) Mendapatkan kelulusan Kementerian Dalam Negeri jika bercadang menukar Pengerusi, Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif, Pengarah, Pengurus, Setiausaha atau ahli perkongsian.
- (vii) Mematuhi semua undang-undang pekerjaan seperti Akta Pekerjaan 1955, caruman KWSP, PERKESO dan perlindungan insuran.

Agensi-agensi kawalan keselamatan yang didapati melanggar mana-mana syarat lesen boleh didenda, digantung lesen atau dibatalkan lesen.

- (b) Agensi Kawalan Keselamatan tidak dibenarkan sama sekali mengambil pekerja asing. Mengikut syarat-syarat lesen, mana-mana agensi yang didapati menggaji pekerja asing boleh dibatalkan lesen agensi mereka.

Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mengenai syarat-syarat pengeluaran lesen Pengawal Keselamatan ini, tidak ada disebutkan tentang had umur bagi Pengawal-pengawal Keselamatan yang digaji oleh syarikat-syarikat ini. Jadi, saya ingin tahu, adakah had umur yang disyaratkan dan sekiranya ada, mengapakah

syarikat-syarikat pengawal sekarang ini banyak menggaji orang-orang yang telah lanjut umurnya dan sekiranya tidak ada, apakah rasionalnya syarikat-syarikat pengawal keselamatan ini dibenar menggaji orang-orang yang umurnya telah lanjut.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang ada had umur. Di bawah syarat-syarat yang ditetapkan, syarat had umur ialah pengawal tidak boleh melebihi umur 60 tahun untuk ditugaskan di luar, tetapi bagi mereka yang telah lanjut, lebih daripada 60 tahun tidak bermakna mereka itu dihentikan kerja, mereka boleh diambil untuk bertugas di dalam pejabat atau di dalam bangunan untuk menjalankan kerja yang tidak begitu berisiko tinggi ataupun begitu melibatkan kekuatan fizikal, jadi, itu satu syarat yang sangat jelas untuk semua syarikat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, adakah Kementerian Dalam Negeri menjalankan perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam ataupun SPA bagi membantu jabatan-jabatan kerajaan dan juga syarikat-syarikat pengawal keselamatan ini untuk mengembangkan perniagaannya agar jawatan-jawatan jaga yang diwujudkan di jabatan-jabatan kerajaan dapat digantikan dengan jawatan-jawatan pengisian dengan penyewaan kepada anggota pengawal keselamatan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, semua syarikat kawalan keselamatan ini adalah ahli kepada Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM). Sebarang hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan ataupun kepentingan syarikat-syarikat ataupun pengawal keselamatan, perbincangan adalah sentiasa diadakan di antara persatuan ini dengan pihak-pihak yang tertentu. Saya rasa persatuan ini lebih

layak untuk membangkitkan hal ini dan bukannya kementerian, kerana kementerian hanya melesenkan mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman [Mersing].

[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Haji Zainal Abidin bin Haji Osman [Mersing] tidak hadir]

STESEN PEMANCAR DI BALAKONG - BANTAHAN PENDUDUK

13. Dato' Yap Piah Hon [Serdang] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan tentang perkembangan terbaru dalam kerja-kerja mengawal-selia pembinaan stesen-stesen pemancar; menara dan kelengkapan telekomunikasi terutamanya dalam kawasan perumahan. Apakah tindakan Kementerian terhadap bantahan yang diimplimentasikan oleh penduduk-penduduk contohnya di Taman bukit Belimbing, Balakong.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan semua stesen pemancar perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa kerajaan tempatan yang berkenaan bagi kerja-kerja struktural. Selain daripada itu, pihak berkenaan juga hendaklah mendapatkan lesen stesen daripada Jabatan Telekom Malaysia untuk memulakan operasi. Lesen stesen hanya diberi oleh Jabatan Telekom Malaysia berasaskan kepada kelulusan teknikal mengikut spesifikasi piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Telekom Malaysia.

Mengenai bantahan oleh penduduk-penduduk Taman Bukit Belimbing, Balakong di kawasan Yang Berhormat, siasatan awal telah dijalankan dan didapati stesen pemancar itu mematuhi spesifikasi teknikal dan kuasa pemancarnya tidak melebihi had yang ditetapkan. Jabatan Telekom Malaysia sentiasa mengawasi kedudukan ini dari masa kesemasa. Walau bagaimanapun, semua pengusaha selular adalah disyorkan supaya bekerjasama dan berkongsi kemudahan-kemudahan khususnya menara pemancar.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya sedeikit tentang kualiti signal yang didapati dengan stesen pemancar yang ada dengan adanya terbina Telecom Tower yang baru, agak tinggi juga dengan kedudukannya yang amat baik, adakah kerajaan bercadang untuk mengalihkan semua stesen pemancar supaya menggunakan Telecom Tower dengan harapan supaya kualiti pemancar akan menjadi baik dan tidak ada keluhan yang dibangkitkan seperti yang kita dengar di Taman Bukit Belimbing di Balakong?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, dengan pembinaan Telecom Tower ini pihak kementerian berharap kualiti pemancaran akan dipertingkatkan. Tetapi, walau bagaimanapun, adalah mustahil bagi semua syarikat telekomunikasi untuk menggunakan Tower Telekom sahaja bagi memancarkan transmission tiap-tiap syarikat di seluruh negara. Mereka memang juga akan meneruskan pembinaan stesen ataupun menara pemancar di seluruh negara.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tentang banyak rungutan dan aduan daripada orang ramai dan penduduk, bahawa Menara Telekom di bina berdekatan dengan rumah-rumah kediaman tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Berkuasa Tempatan dan selepas mereka membina menara telekomunikasi itu, penduduk menunjuk perasaan dan wakil rakyat juga mengambil tindakan dan menara itu kemudiannya dirobohkan dan ini sudah melibatkan kerugian kewangan kepada syarikat berkenaan. Oleh yang demikian saya berharap dapat penjelasan daripada Timbalan Menteri, bagaimanakah boleh dicegah kejadian ini supaya

boleh menjimatkan wang dan boleh memberikan satu keadaan yang sempurna kepada penduduk dan pihak yang berkenaan iaitu pihak yang membina menara telekomunikasi?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, sebelum sesebuah menara pemancar ini dapat didirikan pihak syarikat telekomunikasi mesti mendapatkan kelulusan dari pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu dan kementerian saya akan memberikan nasihat kepada kesemua syarikat berkenaan supaya mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa berkenaan terlebih dahulu sebelum mendirikan menara yang berkenaan. Untuk mereka yang telah mendirikan menara tanpa kelulusan daripada pihak yang berkenaan, pihak berkuasa tempatan boleh mengambil tindakan sewajarnya jika difikirkan perlu.

PUSPAKOM - PRESTASI HASIL

14. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkara-perkara seperti berikut iaitu:

- (a) jumlah stesen pemeriksaan Puspakom yang dibina sendiri dan yang dibina serta disewa daripada pihak syarikat atau individu (jika ada) dan jumlah kakitangan Puspakom mengikut kategori kumpulan serta jumlah kekosongan jawatan; dan
- (b) jumlah pemeriksaan kenderaan dan kutipan hasil dan perolehannya kepada Kerajaan bagi tempoh 1994 - Februari, 1996 oleh Puspakom serta jumlah lulus dan kandas.

Setiausaha Parlimen Kemenerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Sehingga kini jumlah pusat pemeriksaan kenderaan berkomputer yang dibina sendiri oleh Puspakom adalah sebanyak 7 buah dan sebuah disewa daripada syarikat swasta serta 4 buah lagi adalah disewa daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Jumlah kakitangan

Puspakom mengikut kategori adalah seperti berikut; kategori eksekutif - 30 orang, kategori bukan eksekutif - 110 orang; kategori pemereiksa kereta - 223 orang dan jumlahnya adalah 363 orang. Tidak terdapat kekosongan jawatan di Puspakom pada masa ini.

- (b) Jumlah kenderaan yang diperiksa bagi tempoh 1994 hingga bulan Februari, 1996 adalah berjumlah 1.3 juta buah manakala jumlah kutipan, hasilnya adalah sebanyak RM37.7 juta. Disamping itu, bagi tempoh 1hb September, 1994 hingga 31hb. Mac, 1995 sebanyak RM1.6 juta telah dibayar kepada kerajaan, manakala bayaran bagi tempoh 1995 hingga 1996 akan dibuat setelah auditan selesai dilakukan. Bagi tempoh 1994 hingga bulan Februari, 1996 jumlah yang lulus pemeriksaan berkala adalah sebanyak 845,151 buah dan sebanyak 99,500 telah pun terkandas.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas di atas pencapaian Puspakom yang begitu cemerlang. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang disebut-sebutkan di dalam suratkhbar baru-baru ini masih terdapat kes-kes penyelewengan yang dijangka berlaku di dalam tugas-tugas pemeriksaan. Jadi, saya ingin tahu, setakat hari ini adakah kakitangan Puspakom yang telah diambil tindakan di atas tingkah laku dan kerja yang berunsur rasuah dan sebagainya?

Adakah cadangan Puspakom untuk menambahkan lagi kakitangan ke angka yang lebih besar memandangkan kepada tugas-tugas pemeriksaan kenderaan yang masih mencabar untuk masa-masa akan datang?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelebu. Suka saya menyatakan di sini, sejak perkhidmatan pemeriksaan kereta perdagangan diswastakan terdapat dua orang pegawai dari negeri Kedah ataupun yang menjalankan tugas di negeri Kedah disyaki terlibat dalam kes rasuah dan mereka berdua masih di dalam tahanan polis sejak bulan April tahun ini.

Mengenai kes-kes lain yang melibatkan kes penyelewengan, terdapat dua orang lagi pekerja atau pegawai yang mana mereka telah pun dikesan semasa mereka menjalankan tugas mereka dan akhirnya mereka telah pun dibuang kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan memang memandang serius terhadap kes-kes penyelewengan yang diadakan di syarikat Puspakom dan Kementerian Pengangkutan melalui JSJ sentiasa mempunyai pegawai-pegawai untuk menjalankan rondaan di pusat-pusat pemeriksaan kereta yang didirikan oleh Puspakom dari semasa ke semasa. Mengenai staf tambahan ataupun pekerja tambahan, memandangkan kenderaan di negara kita kian meningkat, ingin saya memberitahu bahawa Puspakom memang mempunyai satu dasar yang mana staf mereka ataupun pekerja-pekerja mereka dari golongan eksekutif hingga ke bawah senantiasa ditingkatkan bukan sahaja dari segi pengetahuan tetapi dari segi keanggotaan pekerja dan jumlah pekerja ini akan ditambah jika perlu, dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

KERETA KETIGA NEGARA - KEUNTUNGAN DAN HARGA

15. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan keuntungan yang dapat dinikmati oleh negara dari pengeluaran kereta yang ke-3 dan sama ada harga kereta itu nanti akan mempunyai harga yang sama di seluruh negara supaya semangat kebangsaan dan kekitaan dapat diwujudkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]:

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah pun dijawab pada 27.3.1996.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 7, 8, 12 dan 16 hingga 49 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesembilan.” **[4hb. April 1996]**

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pengangkutan, minta jawab.

3.32 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian saya semasa mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja. Saya percaya keprihatinan Yang Berhormat semua ke atas

perkara yang di bawah bidang kawal selia oleh Kementerian Pengangkutan adalah sesuatu yang amat menggalakkan.

Di sini, izinkan saya memberi sedikit sebanyak penjelasan kepada apa yang telah dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan. Yang Berhormat dari Yan telah mencadangkan kepada Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menghentikan sajian arak kepada penumpang-penumpang. Perkara yang sama adalah juga disentuh oleh Yang Berhormat dari Marang.

Berhubung dengan perkara ini, ingin saya menjelaskan bahawa MAS adalah syarikat penerbangan antarabangsa yang digunakan oleh pelbagai bangsa dan agama. Permintaan dari penumpang perlu diberikan keutamaan. Bagaimanapun sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, sajian minuman keras kepada penumpang adalah dibuat berdasarkan permintaan dan bukan sepertimana minuman ringan seperti kopi dan teh ataupun soft drink, dengan izin, yang diberikan secara pilihan kepada penumpang.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang mempertingkatkan pengawalseliaan terhadap tingkah laku pemandu-pemandu teksi pada umumnya. Yang Berhormat dari Ledang telah membangkitkan peristiwa yang menimpa pelancong.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang.

Tuan Chor Chee Heung: Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat faham Tuan Yang di-Pertua, dalam perniagaan penerbangan ini kalau Saudi

Air, Kuwait Air, Pakistan Air dan lain-lain penerbangan, boleh terbang tanpa botol arak dan mendatangkan keuntungan, adakah arak itu punca utama keuntungan kepada MAS? Dan adakah dengan tidak adanya arak dalam penerbangan itu orang-orang lain atau bukan Islam tidak mahu naik penerbangan kita? Contohnya penerbangan dalam negeri, ataupun penerbangan antarabangsa, dalam negeri sama ada kita setuju atau tidak setuju itulah satu penerbangan pun. Mungkin sekarang ada lagi satu dua.

Saya tidak berpuashatilah dengan jawapan daripada kementerian seolah-oleh penerbangan MAS ini mengharap akan keuntungan daripada jualan arak, dia punya main core business bukan daripada business penerbangan sendiri. Jadi saya berharap kalau bolehlah, kementerian kena kajilah benda ini. Kita kata Malaysia sebuah negara Islam, penerbangan Malaysia adalah penerbanganKalau penerbangan sektor Jeddah tidak tahulah sama ada botol arak ada atau tidak ada dalam kapal terbang. Kemudian, dalam menu pula ada satu ruang jenis apa yang kita hendak, sudahlah servis, Tuan Yang di-Pertua, sorong pula jual, free duty! Jadi yang ini kita kena fikirilah, tidak tahulah kalau Yang Berhormat tidak berapa arif, tetapi saya kena pertahankan yang inilah. Jadi, minta Yang Berhormat beri penjelasan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat dari Yan memang satu perkara yang amat baik tetapi buat masa ini kita harus juga bertimbang rasa ataupun mempertimbangkan dari segi menjalankan sebuah syarikat penerbangan yang agak besar ini dan pada masa yang sama kita dapat melihat persaingan yang begitu hebat bagi penerbangan antarabangsa yang lain. Maka, oleh yang demikian, kita juga harus memberi pertimbangan kepada pihak MAS oleh kerana mereka baru sahaja diswastakan dan mereka agak harus mendapat satu footing, dengan izin, yang lebih tepat

sebelum Kementerian Pengangkutan dapat berbincang dengan mereka sama ada isu minuman arak dalam pesawat diberhentikan. Walau bagaimanapun, kita sentiasa peka terhadap perkara ini dan kemungkinan selepas kita dapat rujuk dengan syarikat penerbangan yang lain seperti Saudi Air ataupun syarikat yang lain kita dapat berubah dan perkara ini tidak akan menjadi satu isu lagi.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu MAS hari ini adalah milik seorang Melayu, orang Islam. Jadi, adakah pihak kementerian biasa panggil pegawai atau taukey MAS ini dan duduk berbincang dengan dia kerana sebagai seorang Islam dia patut patuh kepada ajaran. Macam saya kata, Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya, berkat daripada pendapatan itu yang mustahak. Saya takut kerana tauke ini dia berniaga yang lain lagi. Kerana arak perniagaan lainnya akan runtuh. Ini saya hendak beri ingatan dan saya berasa bimbang Tuan Yang di-Pertua, yang tolong tuang arak itu juga Tuan Yang di-Pertua, orang Islam, jadi kawan ini tidak tuang pun cari makan, tuang berdosa. Jadi, Yang Berhormat kena faham dosa ini, Yang Berhormat. Tidak tahulah Yang Berhormat pun sembahyang Tok Kong juga kan? *[Ketawa]* Jadi, inilah saya minta Tuan Yang di-Pertua, ini serius Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu tanggung dosa. *[Ketawa]*

Tuan Chor Chee Heung: Terima kasihlah sekali lagi. Tidak apalah perkara ini jika menjadi satu isu yang mendesak bagi Yang Berhormat, kita mungkin dapat

berbincang di dalam kementerian dan selepas ini mungkin kita dapat jemput MAS untuk mendapat pendapat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedang mempertingkatkan pengawalseliaan terhadap tingkah laku pemandu-pemandu teksi pada umumnya. Yang Berhormat dari Ledang telah membangkitkan perkara peristiwa yang menimpa pelancong Jerman yang bernama Mr. M.M. Kohout melalui suratnya dalam *New Straits Times* pada 5.3.95 iaitu mengenai tambang berlebihan dari Subang Airport yang dikenakan oleh pemandu teksi pada masa itu. Ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan memang menyedari aduan yang dibuat oleh pelancong Jerman tersebut termasuk lain-lain aduan yang seumpamanya tetapi walau bagaimanapun bagi kes aduan pelancong Jerman ini, kementerian tidak dapat mengambil sebarang tindakan yang lebih lanjut mengenai aduan ini kerana pengadu tidak memberikan butir-butir lengkap mengenai pemandu, nombor pendaftaran teksi serta waktu kejadian tersebut berlaku.

Maklumat-maklumat ini adalah perlu bagi membolehkan siasatan dilakukan. Jadi, saya amatlah berharap sekiranya ada aduan yang dibuat berhubung dengan mengenakan caj atau tambang berlebihan dan juga aduan-aduan lain yang seumpamanya, butiran yang lengkap berhubung dengan kenderaan yang diadu dan juga masa serta tempat kejadian hendaklah disertakan. Ini juga bagi memastikan perbuatan seperti ini tidak berulang dan akan dapat diatasi.

Bagi pihak kementerian, saya ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat.....

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Chor Chee Heung:akan terus mengadakan penguatkuasaan di lapangan terbang untuk membanteras gejala seperti ini dan setelah tingkah laku pemandu teksi tersebut ini dapat dikesan untuk perhatian pihak pelesenan yang berkuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, jadi untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pengadu dan juga perkara-perkara yang akan diadakan, kalau tidak silap saya, satu keputusan telah pun dibuat oleh pihak Ibu Pejabat JPJ kira-kira 2 tahun yang lepas untuk membekalkan borang-borang maklumat bagi diletakkan dan disimpan di dalam teksi, di perhentian-perhentian bas, teksi dan sebagainya untuk kegunaan orang awam, khususnya penumpang-penumpang KPA berkenaan.

Jadi, bagaimanakah keadaan ini setakat hari ini? Adakah ianya dilaksanakan dan kalau belum, adakah cadangan supaya keputusan itu dapat dilaksanakan dengan baik supaya penumpang-penumpang tidak menjadi mangsa dan penumpang-penumpang dapat guidance ataupun panduan bagaimanakah komen-komen ataupun aduan-aduan ini dapat dipanjangkan dan dikemukakan kepada pihak yang berwajib?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jelebu adalah mengenai borang-borang yang disiapkan dan diberikan ataupun diadakan di Pejabat JPJ. Sebenarnya, borang-borang yang disediakan oleh JPJ adalah kebanyakannya tertumpu kepada aduan-aduan yang dibuat terhadap tingkah laku pegawai ataupun terhadap perkhidmatan-perkhidmatan dalaman yang diberikan oleh pihak JPJ dan bukan tidak diperluaskan aduan terhadap pemandu-pemandu teksi.

Walau bagaimanapun, pelanggan-pelanggan teksi yang didapati tidak mematuhi undang-undang tidak memerlukan sebarang borang untuk membuat aduan. Jika ada borang aduan pun, kalau diberikan kepada pemandu teksi untuk disimpan di dalam teksi pun, tidak guna sebab saya percaya terdapat ramai orang yang tidak tahu perkara ini dan kemungkinan pembawa teksi ini, kalau dia hendak menipu, dia boleh buang semua borang ini.

Walau bagaimanapun, yang penting sekali.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Tuan Chor Chee Heung: Nanti sekejap. Kementerian ataupun pihak JPJ hanya memerlukan sedikit sebanyak butir-butir iaitu tarikh kesalahan dilakukan ataupun penyelewengan-penyelewengan dilakukan, nombor teksi, nombor plat teksi dan namanya. Begitu mudah sahaja. Kita duduk di dalam teksi, senantiasanya kalau saya tidak suka, saya boleh catit, sebab di dalam teksi kita dapat melihat nombor platnya dan segala-galanya kita dapat. Selepas itu, kita boleh panjangkan kepada pihak authority dan pihak authority akan memberitahu pihak pelesenan.

Timbalan Yang di-Petua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Jelebu.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini pada saya satu keputusan yang tidak begitu memberikan makna yang besar. Pada saya, kita boleh menganggap bahawa faktor aduan ini adalah merupakan faktor yang boleh kita nilaikan sebab-sebab dan juga jenis aduan yang dikemukakan oleh pelanggan-pelanggan ataupun penumpang-penumpang. Pada saya memang ramai, kebanyakan masyarakat tidak faham dan tidak tahu di mana pejabat JPJ ataupun bagaimanakah alamat JPJ.

Jadi, saya rasa keputusan ini telah pun dibuat dan diputuskan satu masa dahulu, pada tahun lepas ataupun tahun 1994 bahawa satu format kad aduan akan dicetak dalam pelbagai bahasa untuk diedarkan kepada masyarakat umum ataupun kepada orang ramai. Umpamanya akan diletakkan di perhentian bas, di perhentian teksi dan sebagainya, siap dengan alamat, ke mana hendak diarahkan supaya apabila berlaku sesuatu masalah yang ditimbulkan oleh pemandu ataupun pengusaha teksi, maka penumpang itu serta-merta akan dapat membuat aduan-aduan dan menghantarkan aduan itu kepada pihak yang berkenaan. Ini merupakan satu keputusan yang terdahulu, tetapi saya tidak faham bagaimanakah keputusan itu, sama ada ditarik balik ataupun terus tidak dilaksanakan. Saya mohon penjelasan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Jelevu, memang pihak JPJ pernah menjalankan kempen-kempen melalui memberikan borang-borang, tetapi pada akhirnya, nampaknya kempen-kempen melalui pemberian borang-borang tidak begitu berkesan dan ini tidak bermaksud mengatakan JPJ ataupun Kementerian Pengangkutan tidak mengambil berat lagi.

Sebenarnya, melalui kempen-kempen ataupun melalui pejabat JPJ ataupun LPKP di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, orang-orang awam senantiasa dinasihatkan supaya mengemukakan aduan, jika ada. Walau bagaimanapun.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong bangun.

Tuan Chor Chee Heung: Saya belum habis lagi. Walau bagaimanapun, kempen ini sedang dijalankan lagi. Kalau kita masuk JPJ, kita dapat melihat, ataupun kita

tanya pegawai-pegawai yang ada di semua pejabat JPJ, kita dapat tahu macam mana kita dapat mengadu. Seperti saya katakan tadi, saya percaya orang awam, buat masa ini begitu canggih ataupun sophisticated, dengan izin, dalam fikiran dan mereka amatlah tahu macam mana ataupun melalui channel mana mereka dapat mengadu. Jika Yang Berhormat amat berharap supaya kempen ini dapat dipertingkatkan lagi dengan cara-cara yang lain yang lebih munasabah dan lebih mudah, mungkin ini cadangan yang baik dan akan disampaikan kepada JPJ.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Penjelasan, sebab dia tidak jawab itu. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan usaha dan kempen-kempen yang telah pun dijalankan oleh pihak JPJ dan Kementerian Pengangkutan untuk memperbaiki keadaan, saya pun mengalu-alukan dan menggalakkan semua orang memberi kerjasama kepada Yang Berhormat untuk memperbaiki keadaan.

Walau bagaimanapun, memandangkan Kementerian Pembangunan Usahawan yang meluluskan lesen berjumlah lebih 12,000 kepada pemilik-pemilik teksi di seluruh negara, bagaimana keberkesannya dapat diwujudkan oleh pihak JPJ untuk mengawal selia aktiviti teksi kerana lesen itu dikeluarkan oleh pihak yang lain, cuma penguatkuasaannya dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pengangkutan. Saya tak nampak macam mana kita dapat wujudkan satu keberkesanan pengawalseliaan untuk kegiatan teksi ini.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kepong. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya memang

hendak memberi sedikit-sebanyak penjelasan. Kementerian Pengangkutan walaupun dalam menjalankan tugas mereka, bukan atas untuk mengeluarkan lesen tetapi dikeluarkan oleh sebuah agensi LPKP di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Usahawan. Suka saya memberitahu iaitu dalam beberapa tahun kebelakangan ini Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pengangkutan senantiasa mempunyai kerjasama rapat dari segi pemberian lesen dan dari segi penguatkuasaan.

Dari segi penguatkuasaan, seperti Ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, adalah dalam beberapa bentuk penguatkuasaan. Penguatkuasaan pengeluaran lesen dan dari segi pengeluaran asap hitam dan lain-lain, ini adalah dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian Pengangkutan - dari segi pegawai penguatkuasaan.

Dari segi pengeluaran lesen memang diambil alih oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan jika terdapat aduan-aduan yang disampaikan ataupun diterima oleh Kementerian Pengangkutan, khususnya JPJ, maka ini akan disampaikan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan tindakan tegas akan diambil terhadap orang-orang yang berkenaan.

Untuk menyambung mengenai apa yang saya sebut tadi iaitu aduan, sebenarnya JPJ pun telah menyiapkan borang-borang dari orang umum dan seperti yang saya katakan tadi, saya percaya orang awam di Malaysia pada hari ini memang sedar akan hak-hak mereka. Hanya sikap orang Malaysia, kalau mereka ingin membuat aduan, JPJ ataupun Kementerian Pengangkutan memang sedia menerima. Cuma kita kluatir sikap rakyat Malaysia masih tidak berubah sebab ada kadang-kala kesalahan dibuat dan mereka tahu tetapi mereka tidak ingin membuat sebarang aduan ataupun tidak ambil sebarang tindakan....

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sipitang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Chor Chee Heung: Ya. Sebab mereka takut mereka akan melibatkan diri dalam begitu banyak kerja.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan keterangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai dengan pemandu-pemandu dan juga aduan. Saya ingin minta penjelasan, saya kurang bersetuju kalau peringkat aduan itu sebagai priority kerana ianya telah berlaku dan ini menimbulkan masalah terutama sekali untuk menyampaikan aduan, lebih-lebih lagi pengguna-pengguna kita ini bukan sahaja orang tempatan; selalunya orang asing dan juga pelancong-pelancong. Apabila mereka mendapati masalah, sukar untuk mereka membuat aduan dan di mana. Saya tertarik dengan satu kes baru-baru ini seorang peniaga Pakistan yang dilaporkan di dalam surat khabar di mana beg beliau tertinggal di dalam teksi dan hilang segala dokumen tanpa ada rasa tanggungjawab dan kasihan daripada pemandu teksi. Saya rasa ini sudah berlaku dan susah untuk dikawal.

Saya ingin minta penjelasan, apakah kementerian bercadang pemandu-pemandu ini diarah ataupun dimestikan mempunyai satu sijil. Bukan sahaja sijil kelayakan tetapi juga sijil yang bersangkutan dengan soal-soal disiplin, etika, belas kasihan dan juga etika rasa tanggungjawab untuk membantu mereka yang menggunakan khidmat? Jikalau mereka tertinggal barang, mereka ada rasa tanggungjawab dan kasihan untuk menghantar barang itu kepada yang difikirkan sesuai. Jadi, apakah kementerian bercadang? Mungkin

bukan satu institusi tetapi sekurang-kurangnya satu kelulusan, pengiktirafan ataupun sijil keperluan yang bersangkutan dengan hal ini ditubuhkan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kes orang Pakistan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, memang kemungkinan benar tetapi Yang Berhormat tidak sebut kes-kes yang mana pemandu-pemandu teksi yang begitu bertanggungjawab, yang begitu baik yang telah memberikan balik segala yang tertinggal di dalam teksi. Kadang-kadang kita juga melihat ataupun dapat membaca di surat khabar tempatan tentang pemandu teksi melalui jasa baik telah memulangkan balik beg-beg ataupun benda-benda yang tertinggal dalam teksi. Memang betul ada kes orang Pakistan ini, memang benar. Jangan kita lupa bahawa dalam satu kumpulan yang besar ini, yang jumlahnya beribu-ribu pemandu teksi, memang terdapat segolongan kecil yang tidak bertanggungjawab. Ini kita mengaku dan segolongan kecil ini tidak dapat dikawal oleh sesiapa pun melalui apa sahaja tindakan oleh kerajaan ataupun pihak-pihak berkuasa. Tetapi melalui kempen dan pendidikan yang dijalankan oleh pihak JPJ, kita harap golongan kecil ini juga dapat berubah sikap dan nama baik pemandu teksi di Malaysia dapat dipertingkatkan. Itu adalah kerja-kerja di bawah kementerian kita dan memang saya suka melihat bahawa JPJ dapat menjalankan kempen dan pendidikan ataupun cara lain yang lebih tegas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian akan diberikan kepada permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibu yang mengatakan Sibu hanya mempunyai satu penerbangan sehari ke Kuala Lumpur sedangkan Lapangan Terbang Sibu adalah di antara salah satu yang tersibuk di Malaysia. Saya mengambil maklum akan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Sibu, saya telah diberi maklum bahawa masalah sebenarnya yang dihadapi oleh pihak MAS ialah tidak mempunyai muatan ataupun load, dengan izin, yang mencukupi bagi penerbangan di antara Sibu dengan destinasi-destinasi utama Semenanjung selain dari Kuala Lumpur. Kementerian Pengangkutan akan meminta syarikat Penerbangan MAS untuk menimbangkan perkara ini semula.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kuala Nerus membangkitkan masalah pemandu bas mini yang tidak mempunyai budaya sopan santun di jalan raya dan dianggap king on the road, dengan izin. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan memang sedar mengenai perkara ini dan telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan Kementerian Pembangunan Usahawan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Krai mengenai kerja-kerja memanjangkan landasan dan kerja meningkatkan Lapangan Terbang Sultan Ismail di Kota Bharu dan beliau mengatakan kerja-kerja ini masih tidak dilaksanakan oleh kerajaan walaupun urusan pengambilan balik tanah telah pun selesai dijalankan. Di sini saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pengambilan tanah tersebut dibuat untuk menampung keperluan bagi jangka masa panjang iaitu masa depan. Pada masa ini kemudahan-kemudahan utama yang sedia ada adalah mencukupi untuk menampung keperluan sekarang serta beberapa tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan perhatian kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan...

Tuan Yunus bin Rahmat: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, ada lagi yang bangun.

Tuan Chor Chee Heung: Ada lagi?

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ke arah membantu kerajaan untuk menjaga alam sekitar, pada waktu ini rata-ratanya kita lihat bahawa kenderaan-kenderaan disel ini menimbulkan banyak masalah terutamanya di kawasan-kawasan bandar, apatah lagi kilang-kilang yang lain.

Jadi, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Kementerian Pengangkutan. Adakah satu kajian dibuat bersama dengan kementerian yang lain, yang berkenaan umpamanya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan, bagaimanakah cara untuk mengatasi dan sedikit sebanyak sekurang-kurangnya memberikan khidmat nasihat kepada pihak dan pengusaha-pengusaha kenderaan-kenderaan pengangkutan awam ini yang kebanyakannya berkuasa enjin disel, supaya sekurang-kurangnya mereka dapat melengkapkan kenderaan mereka dengan alat-alat dan peralatan yang boleh mengurangkan asap hitam daripada kenderaan mereka. Kemungkinan beberapa alat yang boleh kita survey, umpamanya catalytic converter, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ataupun maxis dynamic yang pada saya ianya telah terbukti "performance"-nya di luar negara.

Jadi, kemungkinan kementerian boleh mewujudkan satu unit R&D dan sebagainya di samping memberikan khidmat kepada masyarakat dan orang ramai melalui kutipan hasil dan sebagainya kita dapat memberikan khidmat nasihat kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan awam ini supaya mereka dapat membekalkan kenderaan mereka dan mewajibkan kalau boleh, supaya kenderaan-kenderaan ini dilengkapi dengan peralatan yang sedemikian dan sekurang-kurangnya dapat membantu kerajaan bagi menangani masalah alam sekitar dan sebagainya. Saya mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara ini tidak dibangkitkan oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan, tetapi saya akan cuba memberi sedikit-sebanyak penjelasan - kalau boleh.

Mengenai penjagaan alam sekitar negara kita, ini memang adalah satu perkara yang telah menjadi satu isu yang begitu penting dalam setiap hari kehidupan kita. Kementerian Pengangkutan juga tidak dikecualikan dalam usaha untuk menjaga alam sekitar ataupun Kementerian Pengangkutan juga mengambil usaha untuk mengurangkan pencemaran di alam sekitar kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya pada 2 tahun yang lalu, kerajaan telah mula mempromosikan kegunaan LNG dan minyak kelapa sawit dan juga LNG sebagai alternative untuk diguna oleh teksi juga kenderaan-kenderaan ringan yang bercorak komersil. Kementerian Pengangkutan juga mengambil tindakan supaya kereta-kereta yang baru dapat juga diadakan ataupun dapat menyediakan satu alat yang dinamakan 'catalytic converter' dalam kereta supaya dapat diguna pakai minyak daripada LNG.

Buat masa ini kita dapat melihat tidak banyak kereta ringan komersil menggunakan 'catalytic converter' lagi, sebab nampaknya kebanyakan kereta yang berjalan di atas jalan raya di sekitar Kuala Lumpur masih mempunyai enjin yang lama dan 'catalytic converter' kemungkinan tidak dapat dipasang dan kalau dipasang pun tidak dapat berfungsi dengan baik dan kosnya juga begitu mahal bagi usahawan-usahawan kecil seperti pemandu-pemandu teksi. Walau bagaimanapun didapati kereta-kereta model baru yang dikeluarkan yang menggunakan enjin berdiesel dapat juga diadakan alat 'catalytic converter' dan pada satu hari kelak, kita dapat melihat semua kereta dapat menggunakan minyak diesel ataupun alternatifnya minyak dari LNG, ini kita bersama-sama berusaha ke arah itu.

Itulah sahaja sedikit-sebanyak yang dapat saya jelaskan di sini dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya memberi jaminan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat akan diberi perhatian sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kerja Raya.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya cuba menjawab atau memberikan penjelasan kepada semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gaya telah meminta Kementerian Kerja Raya memberi keutamaan dan memberikan peruntukan yang secukupnya untuk membaiki kerosakan jalan raya dan jambatan akibat banjir dan tanah runtuh yang berlaku beberapa bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menjelaskan di sini bahawa kejadian hujan lebat yang berlaku di Sabah baru-baru ini telah merosakkan sebuah jambatan di Kilometer 16 Jalan Sandakan-Kota Kinabalu iaitu di Sandakan dan mengakibatkan kejadian jalan runtuh di Kilometer 45.9 Jalan Tamparuli-Ranau. Kedua-dua kerosakan tersebut telah pun diperbaiki dengan cara kerja kecemasan bagi memastikan ianya dapat disiapkan dengan segera, memandangkan jalan tersebut merupakan satu-satunya jalan raya utama yang menghubungkan Kota Kinabalu dengan Sandakan dan Kota Kinabalu dengan Ranau.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandau membangkitkan mengenai kerosakan jalan raya dari Kota Kinabalu ke Kudat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang menyedari bahawa jalan raya Kota Kinabalu-Kudat mengalami kerosakan dan oleh itu keadaan jalan tersebut sentiasa diawasi dengan menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan dari masa ke semasa.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam di bawah peruntukan pembangunan, kerajaan telah menjalankan kerja pembaikan di dua bahagian jalan raya ini iaitu daripada

Tamparuli ke Kota Belud dan dari Langkun ke Kudat. Kerja pembaikan tersebut melibatkan jalan sepanjang 40 kilometer dengan kos sebanyak RM16 juta.

Selain daripada itu di bawah program penyelenggaraan khas yang dijalankan pada tahun 1994/1995, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM9 juta bagi membaiki 6 bahagian jalan raya ini yang mengalami kerosakan.

Pihak kementerian juga telah mengemukakan cadangan projek kerja pembaikan ke beberapa lagi bahagian jalan raya ini untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sri Aman mengharapkan lebih banyak lagi jalan raya dibina di Sarawak supaya tanah-tanah yang masih kosong dapat dibangunkan dan rakyat merasa lebih selesa menjalankan urusan harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedar bahawa di negeri Sarawak masih terdapat kekurangan infrastruktur jalan raya bagi membangunkan tanah-tanah yang masih kosong. Oleh yang demikian, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah merancang pembinaan beberapa jalan raya baru yang menghubungkan bandar-bandar di Sarawak. Untuk tujuan ini Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan sebanyak 18 buah projek jalan raya yang baru dengan kos sebanyak lebih kurang RM1.15 bilion untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad mengenainya akan hanya diketahui selepas Rancangan Malaysia Ketujuh diluluskan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Beaufort meminta supaya dipercepatkan pembinaan jalan raya Beaufort-Menumbok. Pembinaan jalan raya Beaufort-Sipitang dinaikkan taraf jalan-jalan kampung/luar bandar di seluruh Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa projek jalan raya Beaufort-Menumbok adalah sebuah projek menaikkan taraf jalan raya yang sedia ada. Pembinaan jalan raya ini dijangka dimulakan dalam bulan Ogos 1996 dan dijangka akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Jalan raya Beaufort-Sipitang juga merupakan projek menaikkan taraf jalan yang sedia ada, di mana pada masa ini pihak kerajaan sedang mengadakan runding harga dengan kontraktor-kontraktor yang dipilih. Projek ini dijangka bermula dalam bulan Ogos 1996.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah membangkitkan mengenai Pan-Borneo Highway yang masih belum sepenuhnya diturap dan disambung dengan jambatan-jambatan seperti Jambatan Durin yang menyeberangi sungai Rajang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Pan-Borneo yang menghubungkan Bandar Miri dengan Mesapol, Sindumin, iaitu di sempadan negeri Sabah, terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian jalan yang berada di negeri Sarawak, iaitu bahagian Miri dan Limbang, dan sebahagian lagi berada di negara Brunei Darussalam.

Bahagian jalan raya yang berada di bahagian negeri Sarawak sepanjang 152 kilometer telah pun siap ditar. Jalan-jalan tersebut adalah seperti berikut:-

- (a) Jalan Miri-Lutong-Kuala Baram ke sempadan Brunei (sepanjang 35 kilometer);
- (b) Jalan Limbang ke sempadan Brunei (sepanjang 43 kilometer);
- (c) Jalan Limbang ke Ulu Pandaruan (sepanjang 15 kilometer);
- (d) Jalan Lawas ke Temburong (sepanjang 25 kilometer); dan
- (e) Jalan Lawas-Merapok ke Sindumin (sepanjang 34 kilometer).

Selain daripada itu, pembinaan Jalanraya Pan-Borneo ini melibatkan pembinaan tiga buah jambatan yang merentasi tiga batang sungai yang besar, iaitu Sungai Trusan, Sungai Pandaruan dan Sungai Limbang yang bersempadanan dengan negara Brunei Darussalam. Jambatan Sungai Limbang yang merentang di Limbang telah pun siap dibina dan dibuka kepada lalu lintas. Manakala jambatan-jambatan di Sungai Trusan dan di Sungai Pandaruan yang bersempadan dengan negara Brunei Darussalam masih lagi belum dapat dilaksanakan kerana Kerajaan Malaysia masih berunding dengan pihak kerajaan negara Brunei Darussalam. Sehingga persetujuan dan kerjasama di antara Kerajaan Brunei diperolehi, Kerajaan Persekutuan tidak dapat membina kedua-dua jambatan ini buat masa ini. Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri pindah daripada penjelasan mengenai Pan-Borneo, ingin saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang jarak jauhnya Pan-Borneo Road ini, dengan izin, bila siap kelak. Dari manakah jalan raya ini bermula dan ke mana ia berakhir di Sabah atau di Kalimantan sebaliknya kalau sedemikian?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, hala Jalan Pan-Borneo yang ada sekarang ini yang kita iktiraf sebagai Pan-Borneo dari segi negeri Sabah dan Sarawak ialah arahnya melalui sepanjang pantai barat negeri Sarawak, bermula daripada

Kuching sampailah ke Kota Kinabalu. Buat masa kini, tak dapatlah kita tentukan yang tepat, tetapi dianggarkan lebih daripada 1,000 kilometer semuanya. Yang berada di negeri Sarawak sahaja tak kurang daripada 800 kilometer. Itulah setakat yang dapat saya beritahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja penjelasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Michael Lisa Kaya: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun lagi di belakang.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan di sini. Oleh kerana tadi kita diberi tahu bahawa salah satu jambatan yang belum siap dibina, iaitu di Batang Trusan di kawasan saya, iaitu Bukit Mas. Sebetulnya, Batang Trusan ini terletak 7 kilometer daripada sempadan Temburong-Brunei dengan Sarawak. Bukan di Sempadan. Dua tahun yang lalu saya sendiri pernah menghubungi Kementerian Luar Negeri dan bertanya bilakah perundingan disiapkan? Tetapi saya ingin minta penjelasan di sini, tiap-tiap kali kita bangkitkan perkara ini mereka mengatakan masih berunding dengan negara Brunei Darussalam. Saya minta adakah perundingan dijalankan, kalau tidak, kenapa dan siapakah yang ditugaskan untuk berunding mengenai perkara ataupun isu-isu tertentu. Sekian, terima kasih.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara perundingan ini dijalankan sebagai satu rundingan bilateral di antara dua negara yang diselenggarakan oleh Kementerian Luar Negeri. Jadi, memanglah pada dasarnya tidak dapat kita buat sesuatu, kecuali satu keputusan yang muktamad melalui perundingan ini dapat diputuskan sebelum sebarang projek Jalanraya Pan-Borneo ini atau jambatan ini

dapat diteruskan. Jadi, termasuklah jambatan di Sungai Trusan yang hampir bersempadan dengan daerah Temburong di negara Brunei Darussalam.

Walaupun barangkali sepenuhnya benar Yang Berhormat cakap katakan Sungai Trusan berada di kawasan negeri Sarawak di kawasan Yang Berhormat, tetapi daripada perkiraan untuk menyenangkan kerja. Jadi, sehingga perundingan semua telah selesai, maka barulah kerja-kerja seterusnya sama ada yang melibatkan sempadan negara Brunei Darussalam mahupun yang berhampiran dengan negara Brunei Darussalam, tetapi berada di kawasan Sarawak baru boleh diteruskan. Itulah penjelasannya.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja penjelasan daripada saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Jawah Anak Gerang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Jawah Anak Gerang: Saya ingin penjelasan sedikit. Berkenaan dengan Jalan Pan-Borneo yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi. Mana satu dikatakan Jalan Pan-Borneo, sama ada jalan yang ada sekarang ataupun jalan yang baru. Sama ada jalan yang ada sekarang boleh dikatakan ada taraf highway ataupun belum setaraf dengan highway? Mana satu Jalan Pan-Borneo yang dikatakan oleh Timbalan Menteri?

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Pan-Borneo ialah jalan yang ada sekarang bermula daripada Kuching sampailah ke hala Kota Kinabalu, Sabah. Memanglah kita akui sepanjang jalan di negeri Sarawak ini tak semuanya, walaupun ianya bukan taraf highway seperti yang ada di Kuala Lumpur, tetapi ini diiktirafkan sebagai highway - Pan-Borneo yang diiktirafkan dalam erti kata yang sebenar dalam perkara ini. Di samping itu, sememangnya barangkali sepanjang jalan ini kerosakan berlaku pada setiap masa dan

perlu diperbaiki. Bila rosak mungkin tak diiktirafkan sebagai sebuah highway. Inilah jalan yang dimaksudkan seperti Yang Berhormat tanyakan tadi, yang dimaksudkan Pan-Borneo highway daripada Kuching ke Kota Kinabalu. Jadi, saya rasa jelas Yang Berhormat ya?

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya sampaikan sebagai jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir dalam Dewan ini. Saya harap ianya dapat menjawab semua. Kalau tidak, saya memohon maaf jika ada sebarang perkara yang kurang jelas, kita akan berikan pertimbangan dan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

4.08 ptg.

Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran, pandangan serta cadangan mengenai beberapa isu termasuk yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja. Beberapa persoalan dikaitkan dengan perkembangan ekonomi semasa telah dibangkitkan yang juga menyangkutkan defisit imbalan pembayaran.

Kita akui bahawa sementara aspek asas dan fundamental ekonomi kekal kukuh, kita tidak mengambil satu sikap ringan, sambil lewa untuk mengenal pasti beberapa aspek khusus yang harus dikenal pasti dan cuba diselesaikan. Di antaranya, sepertimana ditekankan berulang kali dalam Ucapan Belanjawan dan juga jawapan-jawapan di sesi ini, kita telah meningkatkan usaha, mengurangkan import, sektor perkhidmatan dibangunkan supaya dapat meningkatkan eksport perkhidmatan dan menggantikan perkhidmatan yang diimport, galakan penggunaan barang tempatan dan galakan penggunaan melalui skim vendor tempatan dan lain-lain, peningkatan tabungan termasuk kadar caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, langkah-langkah ini merupakan langkah-langkah jangka panjang. Sementara beberapa angka lebih meyakinkan bagi bulan Oktober, November, keadaan ini tidak semestinya merupakan penyelesaian dalam jangka waktu yang singkat.

Oleh yang demikian, kerajaan telah mengarahkan supaya langkah ini terus ditingkatkan yang juga melibatkan kerajaan, agensi, pihak swasta dan juga kerajaan-kerajaan negeri. Ini adalah penting kerana jika dilihat data imbalan perdagangan bagi bulan Januari, 1996 menunjukkan defisit sebanyak RM1.1 bilion. Oleh itu, usaha-usaha tegas perlulah dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau menekankan soal kadar faedah pinjaman. Sebenarnya, kadar faedah pinjaman bukanlah yang tertinggi, pada bulan Mac, 1996 mode kadar pemberian pinjaman asas adalah 8.8%. Kadar ini lebih rendah berbanding dengan 9.5% pada bulan Jun, 1992 dan 10.75% pada tahun 1986. Kadar faedah ditentukan oleh kuasa pasaran kewangan. Jadi, ia berubah mengikut kadar permintaan dan penawaran pada sesuatu masa.

Namun begitu, melalui Bank Negara Malaysia, kita cuba mempengaruhi pergerakan kadar faedah melalui dasar kewangan seperti Operasi Pasaran dan juga perubahan nisbah rizab berkanun (statutory reserved), dengan izin, bagi mencapai sesuatu objektif.

Kadar faedah harus berada pada tahap yang dapat menggalakkan tabungan melalui dasar kewangan yang ketat. Ini juga penting bagi memastikan pelaburan dikendalikan oleh pelabur tempatan dapat dibiayai sepenuhnya oleh tabungan negara,

tanpa memerlukan pembiayaan melalui pinjaman luar negeri. Walau bagaimanapun, kita ingin menjelaskan bahawa dasar kewangan yang ketat akan diteruskan bagi menangani masalah inflasi dan meningkatkan tabungan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Yan mencadangkan supaya diperketatkan pengawasan dan kawalan ke atas syarikat-syarikat kerajaan. Ini dikenal pasti, lebih-lebih lagi bila kita dapati beberapa masalah kerana kelemahan-kelemahan dari sudut pengurusan termasuk pengurusan kewangan beberapa agensi. Syarat-syarat dan pengawalan serta garis panduan diperketatkan dan kita juga telah mengarahkan semua agensi yang terlibat supaya lebih kemas mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan isu berhubung dengan tender bagi pembinaan Hospital Selayang yang sudah pun dijawab sebelum ini yang diberikan kepada Redicare dan dalam jawapan itu dijelaskan bahawa tidak pernah dikeluarkan 'Letter of Intent' kepada syarikat berkenaan dan dari sudut teknikal dan harga kebetulan syarikat berkenaan adalah yang paling terendah seperti yang diputuskan oleh JKR - Laporan Tender JKR dan juga senarai pendek oleh Unit Perancang Ekonomi.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa selepas Letter of Intent dikeluarkan, syarikat yang dapat Redicare ini atau yang dapat kontrak itu sudah menjual sepenuhnya kontrak itu kepada satu syarikat Jepun?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat maklumat yang berkenaan tetapi dari maklumat yang terakhir yang kita dapat, syarikat yang berkenaan ini ialah lowest evaluated and acceptable order, dengan izin, dan mereka sendiri yang sedang menyelenggarakan projek itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang menyentuh tentang kedudukan perjudian. Saya kurang berpuas hati kerana anggapan yang diberikan seolah-olah kita memberikan galakan dan menambah kemudahan. Saya ingin menekankan bahawa tidak ada lesen perjudian baru yang telah diberikan atau outlet baru yang dibuka. Bahkan dalam tempoh yang sama, jumlah outlet yang telah dikurangkan ialah sebanyak 296 dalam dua tahun yang lalu terutamanya di Sabah. Lesen-lesen baru perjudian tidak dikeluarkan lagi. Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang menjalankan lottery ticket telah pun diberhentikan operasinya sejak tahun 1992. Pengeluaran lesen di Sabah merupakan sambungan lesen yang telah dikeluarkan oleh kerajaan negeri sebelum tahun 1992. Sepertimana yang kita tahu, sebab yang kita ambil tindakan tegas di Sabah ialah kerana kerajaan yang lalu di Sabah telah mengeluarkan lesen dan outlet yang paling banyak di Sabah di bandingkan dengan mana-mana kawasan di Malaysia dan saya fikir mungkin rekod di dunia sekali pun.

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Pedana Menteri merangkap Menteri Kewangan mengenai pemberhentian lesen perjudian 'Double Eight' di Sabah. Mungkin Yang Amat Berhormat sedar bahawa latar belakang pemberian lesen itu ialah membolehkan syarikat itu membantu Kerajaan Negeri Sabah atau khususnya District Council Tuaran, di kawasan saya, di mana telah berhutang kepada kerajaan negeri sebanyak RM30 juta untuk membina satu padang lumba kuda di Tuaran semasa Kerajaan Barisan Nasional waktu

Berjaya dahulu dan sampai sekarang padang lumba kuda itu belum dibuka dan tidak ada siapa yang boleh membayar hutang itu kepada kerajaan negeri.

Jadi, soalan saya ataupun penjelasan yang saya inginkan daripada Yang Amat Berhormat ialah, bagaimanakah nanti, syarikat perjudian yang telah terikat dengan satu perjanjian dengan Kerajaan Negeri Sabah membayar ataupun membantu membayar hutang itu.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, urusan hutang ini bukan urusan saya. *[Ketawa]* Ini hendak tunjuk satu contoh di mana syarikat-syarikat judi menggunakan Ahli Parlimen menjadi jurulobi mereka! *[Tepuk]* Dan inilah sebenarnya yang mempersulitkan urusan kerja kita, yang membebankan kita ialah kerana rakyat yang terlibat dan saya mengambil langkah untuk mengurangkan semua jenis perjudian, semua outlet tanpa mengira syarikat yang mana juga. Yang mempersulitkan kerja kita ialah kerana outlet yang diberikan di Sabah itu keterlaluan besarnya dan kita telah mengambil langkah mengurangkan dari semua syarikat perjudian.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula, Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Marinking: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempersoalkan tentang pemberhentian, yang saya persoalkan ialah hutang itu telah diberi ataupun digalakkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Jadi, bukankah ini satu 'double standard' di mana menggalakkan berhutang tetapi perjudian ataupun agensi-agensinya perjudian itu bila mengalami masalah untuk membayar kepada kerajaan, tidak ada

interaksi ataupun belas kasihan langsung. Sedangkan dia ada juga mendatangkan faedah kepada kerajaan dan juga masyarakat. Jadi, itu harus juga dipertimbangkan, kita tidak mahu mempersoalkan tentang hutang itu tetapi adalah latar belakangnya yang perlu diperjelaskan oleh kementerian.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, hendak jawab pun saya kasihan juga. *[Ketawa]* Hutang lama yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Tuaran itu tentulah boleh diselesaikan dan kita cari jalanlah untuk menyelesaikannya. Tetapi janganlah pula menggunakan alasan hutang oleh Tuaran untuk mendukung dan menyokong syarikat perjudian. *[Tepuk]* Dia ada dua isu yang berkenaan.

Ada banyak cara lain yang dibolehkan. Tetapi, walau bagaimanapun, pada dasar kerajaan ialah untuk mengawasi dengan rapi dan mengenakan syarat dan garis panduan yang ketat. Mengenai pembaziran

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Libaran bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ya, silakan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Minta penjelasan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menerangkan ada parti yang lalu yang menyulitkan kerajaan yang banyak mengeluarkan lesen perjudian untuk kepentingan parti politik mereka. Boleh Yang Amat Berhormat menjelaskan parti yang manakah itu?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Inilah contoh Ahli Barisan Nasional yang tidak senang dengan perjudian dan PBS yang pertahankan perjudian. Saya hendak sebut

bahawa setakat yang saya tahu mengenai dengan negara-negara ini, kalau dibandingkan dengan syarikat dan outlet, PBS membuat rekod di dunia, paling banyak. Sebab itulah kita berusaha dan bersusah payah untuk menumbangkan kerajaan PBS. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuaran, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Cukuplah.

Tuan Yunof Edward Maringking: Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang saya ingin minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat. Pertama ialah Tuaran bukan menjadi pelobi untuk perjudian. Tuaran juga membantah tentang perjudian dan memang PBS juga tidak menjadi alat untuk perjudian, tetapi semenjak kuasa untuk memberi lesen perjudian oleh pihak Kerajaan Persekutuan, timbul pula satu lesen perjudian baru yang kini berleluasa di Sabah dan Yang Amat Berhormat memang tahu iaitu ia dimiliki oleh Red Kok, yang menguntungkan banyak orang dari segi penjualan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, saya ingin penjelasan daripada Yang Amat Berhormat adakah Kementerian beliau bercadang untuk mengharamkan lesen perjudian yang ada di Sabah sekarang ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih, saya ingat dalam masa 5 minit, dia lebih matang dan lebih bermoral.

Sebenarnya kita tidak pernah mengeluarkan lesen perjudian yang baru, tidak ada sama sekali, bahkan sebagaimana yang saya umumkan outlet telah dikurang sebanyak 292 yang kebanyakannya di Sabah. Kita sedang meneliti kegiatan semua syarikat sama ada

untuk mengurang untuk mengemaskini dan menyelidiki supaya lesen dan garis panduan yang ketat dipatuhi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong menekankan tentang masalah pemborosan bagi projek kecil, sederhana atau raksasa. Mekanism yang ada, seperti yang kita telah tekankan, haruslah dipatuhi dengan sepenuhnya supaya tidak berlaku apa-apa kecuaiian dan pembaziran oleh mana-mana syarikat kerajaan atau agensi yang terlibat dalam menyempurnakan tanggungjawab tersebut.

Galakan kepada pengusaha projek pelancongan dan hotel di Sarawak telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibu dan saya ingin menjelaskan bahawa kerajaan telah menyediakan galakan cukai khas bagi projek sedemikian bagi kawasan kurang membangun termasuk di negeri Sarawak. Galakan cukai kepada projek demikian adalah lebih baik dari apa yang diberikan kepada projek yang sama di tempat lain, termasuk di Langkawi.

Syarikat-syarikat yang menjalankan projek pelancongan di hotel, di koridor Pantai Timur Semenanjung, Sabah dan Sarawak layak mendapat galakan cukai langsung, iaitu taraf perintis selama 5 tahun dengan pengecualian cukai diberikan ke atas 85% daripada pendapatan berkanun atau elaun cukai pelaburan sebanyak 80% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun daripada permulaan projek. Sebagai perbandingan, di kawasan lain di Malaysia, projek yang sama hanya mendapat taraf perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatannya atau elaun cukai pelaburan sebanyak 60% sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Yan membangkitkan isu nilai harga tanah simpanan Melayu yang dikatakan tidak seimbang dengan tanah-tanah pegangan bebas. Sebarang

sekatan di dalam sesuatu hak milik akan mempengaruhi nilai harta tanah berkenaan. Ini bukan sahaja terjadi kepada harta tanah rezab Melayu malah juga kepada harta tanah bukan rezab Melayu dan merupakan keadaan biasa urusan niaga di dalam pasaran harta tanah. Dengan meningkatnya kuasa pembeli kaum bumiputera dan keupayaan mereka membeli tanah akan mengurangkan jurang perbezaan nilai yang disebutkan dan ini juga diambil kira dalam peruntukan Akta Pengambilan Balik Tanah terpinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan, Tanjong, Machang, Kota Melaka, Libaran dan Dungun di atas perhatian mereka berhubung dengan isu PERWAJA.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan tidak berhasrat untuk membentangkan Kertas Putih mengenai PERWAJA. Sepertimana yang telah dijelaskan semasa menjawab Pertanyaan Mulut dari Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melantik syarikat Price Waterhouse bagi menjalankan audit pengurusan dan kewangan secara terperinci untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang perkembangan dan kedudukan PERWAJA yang sebenar. Sebelum perlantikan Price Waterhouse, kerajaan telah pun mengambil tindakan awal merombak pengurusan PERWAJA dalam usaha untuk memperkemaskan operasi dan memperbaiki kedudukan kewangan PERWAJA.

Kerajaan berpendapat perusahaan yang dijalankan oleh PERWAJA mempunyai potensi yang besar berasaskan kepada perkembangan ekonomi negara pada masa ini. Kerajaan juga sedang mengkaji beberapa alternatif yang boleh diambil untuk menjadikan syarikat ini dibaik pulih dan berdaya maju, viable dan ini adalah selaras dengan kedudukan PERWAJA sebagai syarikat yang terlibat dalam sektor yang dirasakan

strategik atau industri strategik yang berpotensi meningkatkan rantaian industri dalam sektor tersebut.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun dulu, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ini menunjukkan kita ada demokrasilah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya mereka diam-diam dahulu, jika hendak tahu. Yang Amat Berhormat sudah dimaklumkan mengenai masalah PERWAJA dan saya diberitahu dia pun mengambil tindakan untuk memperbetulkan keadaan. Cuma di sini kita semua hendak tahu, termasuk Yang Berhormat dari Dungun pun hendak tahu, apakah sebenarnya berlaku yang menyebabkan kerugian yang begitu besar? Itulah yang kita hendak tahu. Cuma saya berharap Yang Amat Berhormat dapat menjawab dengan betul kerana dia tahu apa yang sebenarnya berlaku.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, yang saya buat sekarang ini hendak jawab yang inilah, takdan habis jawab lagi dia sudah tanya. *[Ketawa]*. Kita akui.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Hendak tanya juga?

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana nampaknya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak mahu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat

dari Kepong, saya mahu bertanya mengenai penolakan cadangan mengadakan satu Kertas Putih, adakah kerajaan masa kini ada standard akauntabiliti yang lebih tinggi atau lebih rendah bila dibandingkan dengan masa di dekad 70-an di mana Perdana Menteri masa itu, Tun Hussein Onn ada mengeluarkan satu Kertas Putih mengenai skandal Bank Rakyat? Dan kalau dalam tahun 70-an kerajaan boleh mengeluarkan satu Kertas Putih mengenai skandal Bank Rakyat, kenapa mengenai skandal PERWAJA yang mungkin melibatkan, RM10 bilion, sebuah kerajaan, khususnya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang selalu melaung-laungkan mengenai prinsip akauntabiliti dan transparency tidak rela mengeluarkan satu Kertas Putih supaya rakyat tahu apa yang sebenar berlaku, oleh kerana sampai sekarang nampaknya satu usaha untuk, bukan sahaja menafikan satu maklumat sebenar mengenai keadaan dalam PERWAJA tetapi untuk memberi satu gambaran yang tidak betul; dalam bulan Ogos dan September tahun lalu, rakyat diberi satu gambaran bahawa Managing Director, Tan Sri Eric Chia resigned dengan sukarela dan sebenarnya dipaksa untuk meletak jawatan, tetapi pada masa itu rakyat diberi gambaran ini - resigned voluntarily. Ini menunjukkan ada satu usaha untuk mengelakkan akauntabiliti dan adakah ini satu lagi insiden di mana semacam dalam skandal BMF, satu heinous of crime yang diakui oleh kerajaan, satu jenayah yang heinous tetapi tidak ada penjenayah-penjenayah?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama, tidak ada hasrat kita untuk menutup apa-apa kelemahan dalam masalah pengurusan Perwaja. Untuk memberikan andaian bahawa tidak ada pertanggungjawaban atau ketelusan dalam soal ini adalah satu kritikan yang melulu kerana kita telah tegaskan bahawa Price Waterhouse belum menyempurnakan keseluruhan audit. Taklimat terakhir yang diberikan kepada

saya ialah pagi Sabtu dan itu pun masih belum merupakan laporan lengkap dan sempurna untuk membolehkan kita mengambil tindakan dan keputusan untuk langkah-langkah selanjutnya. Jadi, untuk membuat andaian bahawa kita mahu menutup adalah tidak benar.

Saya rasa tidak ada sebab mengapa kita tidak dapat mengatasi masalah ini. Setakat ini kita akui, pertama, adalah diakui bahawa Perwaja mengalami kerugian berdasarkan laporan kewangan yang telah diaudit kerugian terkumpul Kumpulan Perwaja sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 1995 berjumlah RM2.5 bilion. Mengikut mimpi dan tafsiran DAP, RM10.3 bilion, dia tambah itu saya tidak tahu, saya ikut audited accounts. Sekarang ini saya meneliti setiap minggu laporan kemajuan yang terperinci dari Price Waterhouse dan saya akan memberikan maklumat sebahagian daripada laporan tersebut sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Kita masuk mengenai laporan yang akan dibuat mengenai laporan taklimat yang diterima oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini daripada Price Waterhouse. Beliau kata, ini bukanlah satu laporan yang lengkap dan sebab itu keputusan dan tindakan yang patut diambil belum boleh dibuat. Kenapa? Kalau ada penyelewengan; tentu ada penyelewengan, kalau ada penyalahgunaan, pecah amanah, tentulah keputusan untuk mengambil tindakan tidak perlu sehingga satu laporan sempurna dibuat oleh Price Waterhouse, tentu mengenai bagaimana untuk menjalankan rescue yang kedua. Yalah, bagaimana rescue yang kedua boleh dilancarkan? Itu perkara berbeza daripada sebab-sebab atau butir-butir mengenai penyelewengan, pecah amanah setiap insiden yang ada diutarakan di dalam perbahasan ini sama ada oleh saya atau Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ini tidak perlu sampai laporan lengkap dibuat oleh Price Waterhouse ialah management audit atau rescue yang

kedua. Tentu kerajaan dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada cukup bukti, cukup maklumat mengenai sama ada berlaku penyelewengan sama ada oleh Tan Sri Eric Chia atau sesiapa dan kalau begitu, kenapa tindakan belum dibuat? Kenapa laporan polis belum dibuat?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara yang penting kita teliti sekarang. Pertama, pengurusan dan juga laporan audit yang menyeluruh sedang dilakukan dan belum disiapkan dan saya jangka dalam masa yang singkat boleh disiapkan oleh Price Waterhouse. Kedua, tanggungjawab kita yang segera ialah mengambil langkah supaya pemulihan pengurusan dan pelaksanaan projek ini supaya betul viable dan mantap dapat disegerakan dan tidak harus ada apa juga masalah yang menghambat atau menghalang kemajuan dan langkah yang harus kita ambil. Saya juga harus tekankan di sini sebelum saya jelaskan jawapan Yang Berhormat dari Tanjong.

Pertama, jangalah kita membuat andaian bahawa keseluruhan pengurusan itu leceh dan lembab semuanya. Ada beberapa masalah. Pertama, industri ini adalah industri strategik. Tidak ada industri besi keluli yang dibangunkan oleh mana-mana negara apatah lagi negara-negara yang membangun yang mencatat keuntungan dengan mudah. Masalahnya ialah industri besi dilihat sebagai strategik dan pemangkin (catalyst) bagi overall economic development dalam negara dan oleh yang demikian, risiko dan masalah investment yang tinggi memang diakui.

Kedua, ia juga membangkit dalam keadaan apresiasi Yen yang tinggi. Dalam Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan APEC saya tekankan umpamanya, kalau hutang Yen RM1 bilion 10 tahun yang lalu, sekarang telah jadi RM3 bilion. Masalah Perwaja ialah sebahagian besar daripada hutangnya itu di 'nominated' dengan nilai wang Yen dan

apresiasi Yen juga membebankan yang menyebabkan industri ini terlibat dalam masalah 'gearing' yang cukup tinggi dan projek ini, projek di negara kita yang melibatkan 'gearing' yang cukup tinggi. Tetapi yang nyata, yang tidak dapat kita nafikan, yang menyebabkan kita mengambil langkah segera menukar pengurusan dan keduanya, mengambil sikap mengaudit keseluruhannya dan ini bukan satu perkara biasa, bukan satu perkara lumrah yang dilakukan di negara kita di mana kita ambil syarikat akauntan dengan memberikan kuasa penuh untuk mengambil ialah kerana kita akui ada kelemahan besar dalam pengurusan dan ada tanda-tanda bahkan ada basis, ada maklumat yang kita rasa cukup kuat walaupun belum muktamad bahawa ada unsur penipuan ataupun penyelewengan termasuk dalam hubungan dengan pemberian wang kepada NKK Hong Kong yang belum dapat dikenal pasti syarikat itu wujud atau tidak dan setakat ini belum dapat, saya tidak boleh memuktamadkan kerana setakat ini usaha-usaha kita untuk mencari maklumat tentang syarikat itu tidak ada...

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Biar, biar saya selesaikan ayat ini. Jadi, kita akui yang itu NKK Hong Kong. Kita juga akui bahawa beberapa kontrak yang dilakukan, yang perjanjian dibuat oleh Perwaja dengan syarikat-syarikat besar pengimportan dan pembelian itu nampaknya dengan menetapkan harga yang lebih tinggi daripada biasa, over price dan ini menyebabkan kita terpaksa mengambil langkah, sekarang pun telah mengambil langkah untuk berunding semula dengan syarikat-syarikat berkenaan supaya dapat mengurangkan harga dan juga menetapkan supaya harga itu di tahap yang berpatutan dan tidak umpamanya menetapkan harga yang terlalu tinggi.

Dan ketiga, yang juga nyata dari laporan yang kita peroleh sekarang ialah sebahagian besar daripada kontrak yang dilakukan oleh pengurusan syarikat pada ketika itu telah tidak menghormati dan tunduk kepada syarat-syarat tender biasa, diputuskan oleh seorang atau beberapa kelompok, tidak melalui Jawatankuasa Tender dan badan Lembaga Pengarahnya walaupun sebahagian besar daripada keputusan kontrak itu akhirnya dirujuk kepada Lembaga Pengarah, itu pun setelah keputusan dibuat, sekadar mengesahkan sahaja.

Ini perkara-perkara yang saya sebut di sini untuk menetapkan bahawa kita tentunya memandang serius dan tidak bermaksud untuk melindungi sesiapa juga termasuk Tan Sri Eric Chia. Ada andaian bahawa ada usaha sekarang untuk menutup dan melindungi beliau tetapi saya hendak jelaskan di sini ialah sebaik sahaja ada laporan awal yang dapat disahkan oleh syarikat audit. Saya tidak mahu mengambil tindakan sebelum syarikat audit sendiri dapat mengesahkan. Saya bertanya pada hari Sabtu yang lalu apakah mereka dapat mengesahkan? Mereka memohon, kalau boleh sedikit tempoh lagi. Sebaik sahaja disahkan, seluruh agensi dan pihak bertanggungjawab, apakah polis, apakah BPR ataupun lain-lain tentulah terpaksa menjalankan tanggungjawab masing-masing. Tetapi kita ada beberapa prosedur, bukan kerana kita anggap ada. Saya kata ada bukti yang boleh dipercayai yang menyebabkan saya menimbulkan alasan-alasan yang mempertikai pengurusan yang bertanggungjawab di pihak Perwaja tetapi saya memilih untuk menghormati prosedur dan kalau bezanya hari ini atau minggu depan atau dua minggu yang akan datang asalkan tindakan tegas diambil. Apa yang kita harus rumitkan dan ributkan? Mengapa tidak ambil tindakan hari ini ataupun semalam? Mengapa tidak boleh diambil esok? Saya kata kita ikut prosedur, memadai jaminan diberikan di Dewan

yang mulia ini bahawa kita terpaksa menyelesaikan ini dan kita akan mengambil tindakan kepada sesiapa juga yang bertanggungjawab merosakkan perjalanan pengurusan Perwaja.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, memandangkan jaminan ataupun penegasan beliau tadi bahawa audit pengurusan sudah memadai dan tidak penting sama ada tindakan lebih awal boleh diadakan.

Saya hendak bertanya apakah gunanya kita melantik Price Waterhouse membuat suatu audit lagi sedangkan sebelum ini Arthur Anderson telah menjalankan audit akaun kewangan PERWAJA setiap tahun dan selepas itu apabila timbul masalah, satu audit yang baru yang dijalankan oleh Coopers Lybrands pun telah dijalankan. Saya hendak tahu sama ada ini benar ataupun tidak? Itu yang pertama.

Yang kedua, kalau audit pengurusan dianggap memadai untuk memenuhi prinsip ketelusan, ia tidak akan diumumkan kepada rakyat. Rakyat berhak tahu macam mana kerugian terkumpul sebanyak RM2.5 bilion ini boleh hilang dengan begitu senang sahaja? Saya rasa itu satu perkara penting. Kita tidak boleh menutup dengan melindungi bahawa satu audit pengurusan sedang dijalankan sedangkan sebelum ini akaun PERWAJA diaudit oleh sebuah syarikat perakaunan yang mempunyai standard antarabangsa. Apa maknanya audit semacam ini? Atau adakah pihak kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap Arthur Anderson kerana membuat audit yang tidak true and fair, dengan izin?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya ingat dia menyeleweng sedikit. Audit yang tamat pada tahun 1995 menjelaskan kepada kita bahawa perlu ada audit pengurusan dan kewangan keseluruhannya dan sebab itulah setelah mendapat laporan tentang

kerugian itu, kita merujuk kepada Price Water House dan memberikan mandat dan lain-lain.

Bahkan, mandat kepada Price Waterhouse termasuklah masuk berunding semula menemui semua syarikat yang terlibat dengan perundingan dengan PERWAJA. The terms of referencenya itu berbeza kerana kita ada kes atau alasan untuk mencurigai tahap ketelusan dan juga kewibawaan pengurusan PERWAJA pada ketika itu. Tetapi untuk sekali lagi mengambil keputusan kerugian ini semata-mata seolah-olah penipuan yang menyebabkan kerugian RM2.5 bilion, ini yang saya katakan bahayanya dengan taktik Pembangkang. Saya sudah jelaskan bahawa industri ini strategik dan memang tidak mungkin kita teruskan dengan industri strategik tanpa bersedia menerima beberapa kerugian. Sebab itu, tidak ada syarikat swasta pada peringkat awal mahu terjun dan meneroka ke dalam bidang ini.

Kedua, masalah prestasi Yen. Kalau pun pengurusannya itu cekap dan telus, kerugian kita jangka akan diperolehi kerana pinjaman Yen yang melibatkan prestasi yang tinggi. Cuma selain daripada dua faktor besar ini, kita akui pengurusannya. Soalnya, yang hendak timbulkan marah dan kebimbangan, saya akui, saya sendiri pun tidak senang dengan pengurusan PERWAJA, tetapi hendak pertikaikan seolah-olah kita tidak bersedia mengambil tindakan, kita hendak melindungi, kita tidak bertanggungjawab kepada rakyat, ini saya ingat tidak munasabah kerana kita katakan, biarlah laporan itu siap dahulu, kita berikan maklumat. Hari ini, saya beri sebahagian, itu pun belum siap ini.

Sebelum saya beri, saya kena panggil Price Waterhouse dan saya kena panggil pegawai-pegawai berkenaan untuk menjelaskan sama ada adil atau tidak saya keluarkan kenyataan ini, pada hal belum dapat ditandatangani dan disahkan oleh syarikat

berkenaan. Jadi, oleh yang demikian, saya ingin mengulangi jaminan bahawa kita akan meneruskan menyiapkan laporan supaya masyarakat dan rakyat diberitahu tentang kedudukan sebenarnya dan orang yang bertanggungjawab tidak akan dilindungi.

Saya dapat penegasan sekali lagi daripada Perdana Menteri kerana persoalan ini juga ditujukan kepada Perdana Menteri dan beliau jelaskan bahawa tidak ada sebab mengapa kita hendak melindungi sesiapa. Jadi, memadailah setakat itu. Yang hendak marah lebih daripada itu, fasal apa? *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Tadi Yang Amat Berhormat ada sebut sebab kenapa PERWAJA menghadapi krisis kedua. Antara lain ialah risiko tinggi industri strategi, oleh kerana industri besi dan kedua, apresiasi Yen yang ada sekarang dan masalah PERWAJA bukan sekarang. Kalau begitu, bukankah yang pertama bahawa apabila PERWAJA Steel ditubuhkan untuk menyelamatkan PERWAJA Terengganu, semasa itu rakyat dan Parlimen diberi jaminan bahawa kali ini PERWAJA akan turn the corner. Tentu tidak akan menghadapi satu krisis lagi, tetapi nampaknya krisis yang lebih besar dihadapi.

Kedua, kalau sebab-sebab yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat itu benar, adakah ini satu persediaan dan persiapan bahawa di masa hadapan, tidak kira apa usaha pemulihan yang dibuat, tentu negara mungkin menghadapi lagi satu krisis kewangan PERWAJA yang ketiga oleh kerana risiko yang tinggi, strategik dan masa itu apresiasi Yen ataupun apa, saya pun tidak tahu. Bukankah ini alasan untuk menidakkan atau menafikan tanggungjawab dalam pengurusan PERWAJA?

Akhirnya, tadi Yang Amat Berhormat kata, tunggulah laporan lengkap daripada Price Waterhouse. Baik, apabila Price Waterhouse menyediakan laporan yang terakhir,

adakah kerajaan rela menimbang supaya mengeluarkan satu kertas putih supaya rakyat tahu untuk menghormati hak rakyat untuk tahu apa yang berlaku dalam PERWAJA oleh kerana kerugian berbilion-bilion ringgit adalah wang rakyat, bukan wang segilintir orang - Barisan Nasional atau Menteri-menteri?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Apa kena-mengena Barisan pula? Ia begini. Kita beri pengakuan dahulu bahawa apabila kita tambah pengurusan di Gurun, maka kerugian yang dialami di PERWAJA itu boleh dielakkan dan kenyataannya ialah bahawa, sementara kita elak sebenarnya sebahagian besar daripada kerugian yang dialami di Terengganu, tetapi kerugian kecil masih berlaku kerana operasinya baru 2 tahun.

Kita invest RM1 bilion, dua tahun boleh untungkah? Ini berniaga apa? Semua perniagaan itu adalah atas proses itu. Tetapi yang saya yakin ialah kita sedang mengambil beberapa langkah berbicara dengan syarikat-syarikat supaya dapat kita membantu bidang pengurusan ini dan mengambil alih sebahagian daripada tanggungjawab ini dan akan mengurangkan tanggungjawab dan beban kerajaan. Saya percaya, Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah mendapat maklumat ini akan lebih berasa lega dengan keputusan yang dibuat oleh kerajaan.

Walau bagaimanapun, setakat ini, saya ingin nyatakan bahawa setelah laporan ini siap, saya belum dapat pastikan format maklumat ini diedarkan, tetapi saya boleh rujuk untuk pertimbangan akhir Jemaah Menteri. Tetapi yang telah dipersetujui ialah, maklumat terperinci akan diedarkan kepada umum supaya masyarakat tahu kedudukan sebenarnya.

Untuk commit sama ada kertas itu putih, kelabu atau merah, itu kita kena beri maklumat kemudian. Tetapi, yang penting untuk Ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian ialah bahawa maklumat terperinci haruslah dikeluarkan kerana bukan

sahaja maklumat bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi juga rakyat umum ingin mengetahui apa yang telah berlaku dan apakah kedudukan sebenarnya PERWAJA sekarang, tetapi lebih baiklah kita tahu apa yang berlaku dan kedudukan sekarang dan apa penyelesaiannya? Kerana kalau pembangkang, dia hendak tahu problemnya. Kalau kerajaan, problem dan penyelesaiannya. Itulah beza di antara pembangkang dan kerajaan. *[Tepuk][Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Dalam masa yang singkat?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Dalam masa yang singkat. Dalam masa yang singkat. Singkat ini bukan maknanya beberapa bulan, tidak. Dalam masa singkat, kalau boleh....

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum 7th Malaysia Plan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: 7th Malaysia Plan - dua minggu lagi ya? Saya boleh timbangkan, saya boleh timbangkan. *[Ketawa]* Ya, kalau boleh dalam tempoh satu bulan, tetapi saya tidak mahu beri secara pasti, tetapi saya fikir tidak boleh terlalu lama. Bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau tidak boleh di sesi ini, sempat lagi di sesi akan datang. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Khas!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya tahu apa Yang Berhormat mahu. Dia hendak supaya dia coincide dengan Parliament session. Kita akan beri peluang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada beberapa isu tambahan sedikit sahaja lagi iaitu Ahli Yang Berhormat dari Yan yang membangkitkan soal penglibatan bumiputera dalam pengendalian Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya bersetuju dengan.....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Sebelum kita mengakhiri isu PERWAJA, saya ingin mendapat pandangan Yang Amat Berhormat. Mungkin Yang Amat Berhormat tidak tahu tentang masalah yang timbul dalam PERWAJA *[Diganggu]* tetapi beliau sedar bahawa tentang penipuan yang telah berlaku, sungguhpun Yang Amat Berhormat berkata bahawa

tindakan akan diambil kelak apabila laporan itu siap oleh Price Waterhouse. Tetapi apabila sesuatu penipuan atau penyelewengan telah berlaku yang begitu jelas sekali, dan yang penting Tuan Yang di-Pertua, ia telah disebutkan berkali-kali oleh satu penyiasatan audit oleh syarikat perakaunan Coopers & Lybrand, sebelum itu mengapakah pihak kementerian tidak mengambil tindakan tentang isu ini, bila satu jenayah jelas telah berlaku di mana bayaran sebanyak RM76.4 juta telah dibayar kepada Flooschum Enterprise sebuah syarikat di Hongkong yang mendakwa kononnya ia adalah sebuah anak syarikat atau associate company of NKH Jepun, bila ia sebenarnya bukan dan bayaran terus dibuat oleh Tan Sri Eric Chia dan sehingga hari ini tidak tahu mana wang itu pergi. Ini satu penipuan kerana RM76.4 juta telah habis. Bolehkah Yang Amat Berhormat berikan penjelasan tentang perkara ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Boleh. Kalau Yang Berhormat sekadar hendak uji saya, saya hendak beri penjelasan bahawa saya juga teliti laporan itu. Ia tidak semudah yang digambarkan.

Pertama, disebut oleh pengurusan pada masa itu bahawa syarikat itu wujud. Ada surat daripada syarikat berkenaan. Jadi, untuk kita ambil tindakan pada masa itu tidak kena. Cuma bila dia teliti semula, bila pengurusan yang baru teliti semula dan syarikat umpamanya seperti Price Waterhouse teliti semula, benar apakah sah surat itu - jawabnya tidak. Kemudian diambil masa lagi, dicari, jadi kita kena cari umpamanya di Hongkong apakah wujud syarikat itu? Dan kita tidak boleh kata oleh kerana dalam seminggu tidak dapat sahkan syarikat itu, kita kata tidak. Kerana sebelum keputusan muktamad dibuat, kita beri tempoh sampai sebulan untuk mengesahkan wujud atau tidak syarikat itu dan

minta pihak yang bertanggungjawab memberikan pengesahan tentang kedudukan syarikat itu dan penerimaan bayaran berkenaan.

Jadi, pada hemat saya, soal laporan audit yang awal itu membantu kita melakukan siasatan yang kini hampir mengesahkan bahawa ada penyelewengan dalam hubungan pembayaran di Hongkong berkenaan.

Tuan Lim Guan Eng: Minta jalan. Terima kasih. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju bahawa lazimnya apabila sepucuk surat tuntutan diberikan kepada PERWAJA untuk satu jumlah yang agak besar dan dibayar bukan kepada ibu syarikat tetapi kepada anak syarikat, biasanya pembayar akan mendapat pengesahan atau meminta pengesahan daripada ibu syarikat. Adakah betul dalam perkara ini Tan Sri Eric Chia tidak pernah meminta pengesahan daripada ibu syarikat bahawa Flooschum Enterprise yang mendapat RM76.4 juta secara buta, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah menanya sama ada syarikat ini adalah anak syarikat NKH Japan? Kalau begitu, bukankah ini bermakna bahawa kalau bukan penyelewengan oleh Tan Sri Eric Chia, kalau bukan salah pengurusan, saya rasa itu satu persoalan yang sangat penting dan adakah beliau dipersoalkan, adakah beliau disiasat, adakah beliau ditanyakan tentang perkara ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ulang. Perkara ini saya sudah beritahu. Di antara isu yang menyebabkan kita mengesyaki adanya penyelewengan ialah pembayaran ini. Yang hendak bangkit tiga enam kali ini buat apa? Kita sudah akui memang betul ada penyelewengan. Saya sendiri merasakan ada kejanggalan dan tidak dapat kita pertahankan dan buat apa saya pertahankan. Kalau dia bayar, dia silap teknikal nama syarikat, dia check balik, dia sahkan - itu dalam pengurusan yang melibatkan bilion ringgit kita jangan menghukum orang kerana kesilapan teknikal. Sebab itu bila ada

keputusan awal kita tidak terus menghukum - kita buat siasatan. Tetapi bila sah umpamanya pembayaran begitu dibuat dan tidak dapat maklumat balas untuk mengatakan bayaran itu legitimate, maka ia menyebabkan kita pandang serius dan harus mengambil tindakan. Ini yang telah saya jelaskan dan saya telah beri jaminan. Cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Cukuplah! Sudah! Sudah! Okaylah yang akhir. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya pula beri keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kalau begitu, kedudukan PERWAJA sekarang dalam keadaan yang agak merbahaya atau dilaporkan dalam keadaan insolvent. Adakah benar bahawa PERWAJA kini tidak mampu untuk membuat bayaran ke atas hutang-hutang yang ia pinjam daripada konsortium-konsortium swasta dan kalau begitu adakah benar bahawa khususnya pinjaman-pinjaman daripada bank-bank tempatan, adakah dengan izin, PERWAJA telah defaulted tentang hutang pinjamannya dan sungguhpun begitu sehingga hari ini bank-bank tempatan belum mengambil sebarang tindakan? Adakah ini dalam pengetahuan Yang Amat Berhormat dan arahan tertentu telah dikeluarkan tentang keadaan kedudukan kewangan PERWAJA?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat baca surat khabar, saya telah keluarkan kenyataan bahawa kerajaan beri jaminan supaya semua urusan hutang piutang itu dirundingkan semula dan kita beri amanah kepada Price Waterhouse untuk berunding dengan bank-bank yang terlibat dan kita beri jaminan bahawa kerajaan akan bertanggungjawab sepenuhnya. Ini sementara beberapa proses

pengurusan dibuat dan tidak menjejaskan perjalanan kerana kita masih yakin dengan keupayaan dan potensi PERWAJA dan juga dengan beberapa langkah yang sedang difikirkan untuk menyelamatkan perjalanan PERWAJA yang saya yakin dapat dibereskan. Jadi, soal insolvent tidak berbangkit dan oleh yang demikian soal default juga tidak berbangkit kerana kita sedang menyelesaikan masalah yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Yan....

Tuan Lim Kit Siang: Bukan sebab tadi tetapi ada sedikit mengenai PERWAJA....

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Kalau ini pun Tuan Yang di-Pertua, dia kata kita tidak demokratik lagi, itu yang saya susah hati.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Tetapi ini tidak mengenai skandal PERWAJA. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri ada menasihatkan semua institusi kewangan bahawa dalam masa ini sebelum kerajaan membuat keputusan yang terakhir mengenai PERWAJA, bahawa semua institusi kewangan jangan memberi pinjaman kepada PERWAJA, kenapa dalam masa ini KWSP perlu membuat satu pinjaman RM600 juta kepada PERWAJA dan dalam perkara ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sudah dua kali mengelakkan satu akauntabiliti, satu penjelasan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi satu penjelasan yang memuaskan mengenai perkara ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pertama saya jelaskan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita tidak benarkan PERWAJA mengambil pinjaman baru untuk menambah facility dan expansion tetapi kita benarkan syarikat juru audit untuk berunding tentang kedudukan atau status hutang piutang yang sedia ada.

Keduanya, saya ingin jelaskan bahawa KWSP tidak memberi pinjaman yang dimaksudkan iaitu untuk menyelamatkan PERWAJA. Pinjaman yang melibatkan KWSP dengan jaminan kerajaan semata-mata untuk kedudukan pemulihan dana hutang yang terdahulu. Tidak untuk melibatkan dalam proses pinjaman untuk kegiatan atau projek tambahan KWSP yang kemudian terkeluar daripada bidang tanggungjawab dan jaminan yang kita berikan.

Saya ingin jelaskan di sini, kalau pun KWSP beri pinjaman risikonya tidak tinggi kerana jaminan itu adalah tanggungjawab kerajaan. Walau bagaimanapun, saya telah mengarahkan supaya KWSP tidak terlibat dalam apa juga untuk pinjaman untuk expansion kegiatan PERWAJA.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan telah mencadangkan supaya penglibatan bumiputera.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Amat Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: ...dalam pengendalian Bursa Saham Kuala Lumpur dipertingkatkan. Saya bersetuju...

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:walaupun penglibatan bumiputera dalam kerjaya wakil broker pada masa ini menggalakkan.

Bilangan bumiputera ialah sebanyak 32% daripada keseluruhan jumlah wakil peniaga broker saham. Penyertaan ini belum begitu memuaskan dan saya telah memberi teguran terbuka supaya syarikat-syarikat broker mengambil langkah dan tidak hanya menyerahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti, ITM dan universiti tempatan. Mereka juga haruslah melibatkan untuk membantu melatih dan memberikan pendedahan kepada pihak bumiputera sendiri untuk terlibat dalam bidang tersebut, dalam keseluruhan wakil broker niaga hadapan (futures) hanya 14.2% sahaja peniaga yang terlibat.

Mengenai KWSP sebagai tambahan lagi, kita telah memberi jaminan tentang pulangan yang memuaskan termasuk dalam keadaan di mana kedudukan ekonomi begitu

merosot, kita dapat pertahankan dividen yang memuaskan. Oleh yang demikian, adalah tidak adil untuk dikatakan bahawa KWSP tidak bertanggungjawab memberi jaminan dividen yang bersesuaian.

Yang Berhormat dari Yan sekali lagi membangkitkan

Tuan Lim Kit Siang: Tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa wang pinjaman RM600 juta untuk Perwaja bukan untuk menyelamatkan Perwaja.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Mengganggu]*

Tuan Lim Kit Siang: bukankah ini satu jenis 'sophistry' oleh kerana wang dalam keadaan sekarang, di mana Perwaja nampaknya insolvent, tidak ada wang yang boleh bergerak, apa-apa wang yang disalurkan, sungguhpun diistilahkan bahawa bukan untuk menyelamatkan Perwaja, tetapi akhirnya ialah untuk menyelamatkan Perwaja. Bukankah ini mendedahkan dana wang KWSP kepada risiko yang tinggi sungguhpun kerajaan mengatakan bahawa ia akan memberi jaminan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya sudah jelaskan bukan maksudkan untuk menyelamatkan, kalau hendak cara detail, dia melibatkan hutang yang sekarang ini didominated dalam Yen dan ini memberikan pulangan yang lebih baik kepada KWSP. Mengapa kita hendak halang KWSP dalam melibatkan dalam apa kegiatannya yang memberi jaminan dan pulangan yang lebih baik. Jadi, kedudukannya pada hemat saya dengan itu dan jaminan kerajaan, saya fikir tidak harus kita ada bantahan terhadap penglibatan KWSP dalam bidang itu. Yang kita halang ialah penglibatan dalam kegiatan pelaksanaan projek menyelamatkan ataupun mengadakan projek baru bagi Perwaja.

Yang akhir, perkara yang dibangkitkan ialah mengenai peraturan KWSP yang menggunakan sistem penama untuk mempercepatkan bayaran apabila berlaku kematian. Bagi ahli bukan Islam penama adalah orang yang akan menerima faedah - itu jelas. Walau bagaimanapun, bagi yang beragama Islam KWSP ada mencatatkan dalam waran bahawa penama adalah pentadbir sahaja dan wasi mempunyai tanggungjawab untuk membahagikan wang tersebut mengikut undang-undang Islam. Perkara ini dinyatakan dalam bahagian kelima Perkara 15 Peraturan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan teguran. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

5.17 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah berucap dan membahaskan beberapa perkara berhubung dengan bidang tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos semasa Usul Ucapan Terima Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mesyuarat Dewan Rakyat ini.

Yang Berhormat dari Yan telah menyatakan tentang Program Vendor dengan syarikat-syarikat telekomunikasi. Yang Berhormat dari Ipoh Timur telah membangkitkan tentang penggunaan satelit; Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan beberapa isu mengenai projek Hidro Elektrik Bakun; Yang Berhormat dari Bagan telah menyebut tentang masalah telefon bimbit; Yang Berhormat dari Tawau telah menyentuh tentang

gangguan bekalan elektrik di Tawau. Sesetengah daripada isu-isu yang dibangkitkan itu telah diambil tindakan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, meskipun demikian segala pandangan dan teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh keseluruhan jawapan saya pada petang ini mengenai isu-isu projek Bakun yang telah dipersoalkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong masih mengungkit-ungkitkan lagi isu-isu lama yang telah pun dijelaskan dalam Parlimen ini beberapa kali dahulu.

Mengenai Laporan EIA, kerajaan tidak pernah berjanji bahawa orang ramai akan diundang untuk memberi pandangan sebelum Laporan EIA untuk projek Bakun diluluskan.

Saya telah juga memaklumkan dalam Dewan ini tempoh hari bahawa Laporan 'EIA-Reservoir Preparation' dan Laporan 'EIA-Dam and Ancillary Facilities' yang diluluskan telah dipaparkan untuk rujukan orang ramai, tetapi tidak ramai yang mengambil peluang untuk membuat rujukan.

Setakat ini 196 orang telah meneliti Laporan 'EIA-Reservoir Preparation' dan 46 orang untuk Laporan 'EIA-Dam and Ancillary Facilities' termasuklah murid-murid sekolah.

Mengenai kapasiti baru selepas tahun 2000.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa kerajaan tidak pernah membuat jaminan bahawa orang ramai akan diminta untuk memberi pandangan sebelum kelulusan EIA diberi. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sebelum kuasa untuk memberi kelulusan yang muktamad diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri, Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ada memberi jaminan bahawa ini akan dibuat dan masa itu beliau pun ada melantik satu majlis pakar-pakar lebih daripada 40 orang untuk menyiasat, kaji Laporan EIA sebelum kelulusan dibuat oleh kuasa yang berkenaan, tetapi oleh kerana perubahan yang dibuat, di mana kuasa muktamad untuk melulus EIA diserahkan kepada pihak kerajaan negeri bahawa majlis itu dibubarkan tanpa apa-apa perjumpaan, bukannya ini satu contoh di mana kerajaan ada memberi jaminan bahawa proses EIA akan bererti bahawa orang ramai akan dijemput untuk memberi pandangan atau consultation process dan bukan selepas kelulusan barulah diumumkan dan masa itu pun didesak, dipaksa barulah diumumkan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar ada kejadian yang dibuat mengikut pandangan Yang Berhormat dari Tanjong. Apa yang saya tahu ialah kuasa untuk menentukan EIA bagi Negeri Sarawak untuk pembangunan hidro elektrik ialah terletak dalam hak bidang fasal undang-undang Negeri Sarawak sendiri dan kuasa itu telah pun diserahkan secara sah secara undang-undang, jadi tidaklah payah kita persoalkan soalan itu tadi di Dewan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kapasiti baru selepas tahun 2000 perlu saya ingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa sungguhpun mengikut Ahli Yang Berhormat, Tenaga Nasional Berhad ada perancangan untuk menambah kapasiti sebanyak 4,000

megawatt dari tahun 2000 sehingga 2005 melalui dua loji arang batu di Yan dan Lumut. Ahli Yang Berhormat perlu sedar bahawa itu adalah hasrat TNB.

Mengenai angka-angka yang diperbentangkan oleh Unit Perancang Ekonomi di Seminar Projek Hidro Elektrik Bakun pula, sungguhpun tambahan kapasiti 1,000 megawatt di Lumut, iaitu projek TNB tidak diambil kira, namun ianya tidak menjejaskan keperluan mewujudkan Bakun memandangkan defisit yang dijangkakan itu adalah begitu besar.

Tidak lama dahulu Ahli Yang Berhormat telah juga mengungkitkan....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan sahaja bahawa angka ini tidak termasuk kapasiti 4,000 megawatt untuk Yan dan di Lumut, tetapi mengikut laporan tahunan Tenaga Nasional tahun 1995, ada meramalkan penambahan kapasiti 7,000 megawatt, bukan sahaja 4,000 megawatt, bukankah ini menjejaskan angka-angka yang ada dibuat oleh EPU?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya EPU pun juga ada memberi angka-angka yang diperlukan pertambahan kira-kira dalam lingkungan 6,666 megawatt. Jadi, ini tidak jauh bezanya dari angka-angka yang dikeluarkan oleh Tenaga Nasional. Tetapi apa yang saya terangkan itu hasrat dan perancangan Tenaga Nasional sendiri, tetapi belum diberi keputusan untuk dibangunkan mengikut anggaran itu. Jadi, sudah jelaslah apa yang dikirakan semua projek dan keperluan tenaga harus diperingatkan dan telah mengambil kira bahawa walaupun keperluan itu ada dan

rancangan-rancangan baru harus dibangunkan. Namun demikian, Projek Bakun tetap memainkan peranan dalam kegunaan tenaga elektrik di negara kita ini.

Seperti yang saya sebut tadi, Ahli Yang Berhormat juga telah mengungkitkan isu berkaitan dengan keselamatan empangan dari gempa bumi akibat pembinaan empangan dan sebagainya. Perkara ini pun sudah dijelaskan beberapa kali. Bahkan tanpa teguran Ahli Yang Berhormat itu, kerajaan telah melantik satu Independent Review Board untuk mengulang kaji segala aspek reka bentuk dan pelaksanaan projek Hidro Elektrik Bakun. Lembaga bebas ini mendapati reka bentuk Empangan Bakun adalah selamat. Laporan pertama mereka telah pun disebarkan kepada pihak akhbar secara terbuka untuk makluman umum. Kerajaan telah juga mengeluarkan buku 'Bakun The Green Energy for the Future' yang mengandungi maklumat berkaitan dengan projek Hidro Elektrik Bakun itu.

Isu siltation dan sedimentation, Tuan Yang di-Pertua, dalam empangan yang dibangkitkan itu juga bukan suatu perkara yang baru. Ini sememangnya dijangka akan berlaku. Jadi, langkah penyelenggaraan yang teliti akan dijalankan untuk membuang mendapan dari semasa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siltation dalam Sungai Batang BaloI adalah disebabkan kebanyakannya oleh hakisan tanah, akibat dari aktiviti pertanian pindah dan pembalakan yang tidak dikawal. Mengikut kajian EIA, bagi Empangan Bakun kadar pengaliran kelodak atau siltation melalui Sungai Batang BaloI adalah dianggarkan 40 juta meter padu setahun. Manakala kapasiti Empangan Bakun boleh menampung kira-kira 30 ribu juta meter padu air pada satu-satu masa. Ini bermakna Empangan Bakun hanya akan terjejas oleh mendapan kelodak dalam masa 750 tahun. Apabila kawasan tadahan air Bakun seluas 1.5 juta hektar diwartakan, aktiviti-

aktiviti semasa seperti pertanian pindah dan pembalakan akan berkurangan. Dengan itu, kadar pengaliran kelodak atau siltation juga akan berkurangan.

Mengikut cadangan penggunaan gas asli untuk penjanaan elektrik berdasarkan kepada result yang banyak. Saya ingin memaklumkan bahawa walaupun bilangan medan gas yang ditemui di negara ini melebihi 200 buah, kebanyakannya adalah kecil dan jauh daripada medan-medan petroleum yang telah dibangunkan dan lebih mahal untuk dieksploitasi. Di samping itu, adalah wajar negara tidak terlalu bergantung kepada gas dan mempelbagaikan sumber tenaganya melalui sumber-sumber lain, termasuk arang baru dan pembangunan hidro.

Di masa-masa akan datang apabila perkembangan teknologi mencapai tahap tertentu, sumber tak lazim atau 'non-rate conventional energy' dan juga sumber-sumber yang boleh diperbaharui atau 'renewal resources' juga boleh digunakan. Mengenai isu kos pembinaan projek Hidro Elektrik Bakun yang dikatakan sebagai lebih mahal dari projek-projek IPP, nampaknya Ahli Yang Berhormat cuba menarik perhatian tanpa menjalankan analisis yang menyeluruh. Dalam kes IPP, kita perlu menanggung perbelanjaan bahan api selain daripada perbelanjaan modal. Manakala dalam projek hidro elektrik seperti Bakun, elemen kos bahan api itu tidaklah wujud. Jadi, Yang Berhormat perlulah membuat perbandingan dengan betul.

Suka saya memaklumkan bahawa harga penjualan tenaga elektrik belum lagi dimuktamadkan. Kerajaan akan memastikan bahawa harga yang ditawarkan adalah berpatutan.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai harga penjualan electricity, adakah dilaporkan bahawa 18.5 sen, walhal IPP ialah 15.5 sen per unit, dan kos TNB sendiri ialah 10 sen per unit. Adakah apa-apa 'bottom line' yang ditetapkan oleh kerajaan?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, perbincangan di antara pihak yang membangunkan Projek Bakun dan pihak Tenaga Nasional masih berjalan. Oleh itu, kita belum dapat memastikan harga yang tetap yang akan dipersetujui di antara kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun, kita sensitif kepada harga-harga yang berpatutan kerana ianya akan memberi implikasi kepada harga-harga elektrik di negara kita ini.

Harus juga diingat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa harga-harga penjualan di antara Projek Bakun kepada Tenaga Nasional bergantung juga kepada harga-harga pembinaan yang akan dilaksanakan. Sekarang ini kita masih membuat analisa dari segi kos kontrak untuk membina projek Hidro Elektrik Bakun ini. Dan sudah tentu kita berharap harga-harga kos kontrak yang akan dilaksanakan mengikut apa yang telah didapati sekarang memberi gambaran ianya lebih kompetitif dari gambaran asal. Kita percaya ini akan dapat memberi kesan mendapatkan harga yang lebih berpatutan dari apa yang dianggarkan dalam akhbar-akhbar masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu penempatan semula, Kerajaan Negeri Sarawak seperti yang saya juga pernah sebut beberapa kali dahulu berusaha sedaya upaya untuk menyediakan segala kemudahan asas kawasan penempatan semula. Penempatan semula ini hanya akan berlaku pada tahun 1997. Jadi, saya berharaplah Ahli Yang Berhormat supaya bersabar sedikit sehingga rancangan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang terlibat itu diumumkan. Nampaknya Ahli Yang Berhormat mungkin lebih

suka untuk melihat rakyat luar bandar di Sarawak ketinggalan zaman. Kerajaan Barisan Nasional adalah komited untuk menentukan bahawa rakyat luar bandar Sarawak juga dapat sama-sama menikmati pembangunan negara akibat dari pelaksanaan Projek Hidro Elektrik Bakun.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai penempatan semula. Tuduhan atau dakwaan Yang Berhormat Menteri bahawa pihak pembangkang mahu rakyat Sarawak terus mundur ialah sangkaan jahat, unwarly Yang Berhormat Menteri senior yang begitu kanan. Bukanlah saya atau mereka yang prihatin isu Bakun sabar tak sabar, tetapi orang-orang Sarawak sendiri, dan di sini kita ada wakil-wakil daripada Bakun, Belaga yang ada di sini tak sabar. Mereka mahu tahu apa masa depan mereka. Apakah pelan penempatan semula. Bukan di sini kata tak sabar, jangan tidak sabar, tunggulah. Yalah, kita boleh cakap begitu. Tetapi kepada penduduk-penduduk yang masa depan akan dijejaskan oleh Bakun Dam, mereka tak boleh tunggu, mereka mahu tahu apa masa depan mereka. Kenapa tidak boleh rancangan penempatan semula diumumkan, barulah usaha-usaha dimulakan untuk Projek Bakun? Oleh kerana kita ada kes-kes yang lain di Sarawak, di mana pun sampai sekarang projek-projek empangan yang lain bahawa bukan semua masalah tanah atau masa depan mereka diselesai, sungguhpun dam-dam tersebut sudah siap, dan orang dihalau daripada tanah warisan mereka.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, seperti juga kita pernah terangkan dalam Dewan ini bahawa perbincangan di antara penduduk-penduduk Bakun

menerusi suatu komiti, Bakun Development Committee, dengan Kerajaan Negeri Sarawak, masih berlangsung. Jadi, perbincangan ini belumlah ditamatkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, tindakan Kerajaan Negeri Sarawak juga diteruskan untuk memberi penerangan kepada penduduk-penduduk tempatan dan mereka sekarang pun memang ada pegawai-pegawai kerajaan negeri yang terlibat untuk memberi penerangan kepada penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, saya memang kesal sedikit melihat tindakan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang yang membawa penduduk-penduduk dari Bakun menjadi alat politik mereka ke Dewan ini, bukan untuk membantu menerangkan kedudukan sebenar.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, peraturan mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu “impute improper motives”, ini tidak benar, ini ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong nanti, yang ke berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 36 - “impute improper motives”.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang ke berapa? Sebutkan!

Tuan Lim Kit Siang: 36(4), kalau bukan (4) - (5) atau (6).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tak kena juga Yang Berhormat! *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Sebelum itu, hujah “impute improper motives”

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak pun menyatakan

Tuan Lim Kit Siang: mereka tidak dibawa ke sini oleh pihak pembangkang, mereka datang oleh kerana mereka tahu Parlimen dalam sesi dan mereka mahu suara mereka didengar, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bawa, pembangkang tidak bawa mereka datang ke sini, mereka datang sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat cuma boleh membangkitkan point of order, bukanlah berhujah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebab itu “impute improper motives” bahawa kita ada membawa penduduk-penduduk datang ke sini. “Improper motives”, itu sangkaan jahat, mereka datang dengan secara ikhlas supaya Yang Berhormat Menteri boleh faham masalah mereka, tetapi nampaknya Yang Berhormat Menteri tidak mahu faham.
[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat! Walaupun peraturan mesyuarat yang cuba hendak dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang itu ada tiga, tetapi saya rasa tak ada satu pun yang kena. Kalau 36(6) - sangkaan jahat, saya rasa tidak timbul, ianya bukan ditujukan kepada mana-mana seseorang ahli dalam Dewan, unparliamentary pun tak kena juga. Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan, kenapa seorang Ahli Yang Berhormat yang mempunyai pengalaman yang amat luas sekali seperti rakan kita dari Tanjong, cuba hendak menarik perhatian Dewan ini untuk menggunakan peraturan yang tidak wujud pun.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Leo Moggie anak Irok: Peraturan yang tidak kena-mengena dengan apa yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tak payahlah kita hendak menerima apa yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu. Walaupun demikian, saya rasa dalam perkataan Melayu, ‘siapa yang memakan cili itu dia ada merasa pedih sedikit’, jadi, mungkin itu yang kena sedikit. *[Tepuk]*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, sama ada beliau berani atau tidak untuk berjumpa penduduk-penduduk yang datang daripada kawasan persekitaran Bakun ini? Kalau rancangan yang dirangka oleh pihak kerajaan, benar-benar bagi pihak kepentingan mereka, saya rasa Yang Berhormat tidak payah takutlah untuk berjumpa dengan mereka. Harap Yang Berhormat boleh berani berjumpa mereka nanti.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya tak payah berjumpa dengan orang yang dibawa oleh ahli-ahli pembangkang. Sebenarnya, saya sudah berpeluang untuk berjumpa dengan ahli-ahli penduduk-penduduk tempatan di Bakun beberapa kali. Saya percaya mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak berbuat demikian. Saya sendiri melawat ke tempat itu beberapa kali, jika dibanding dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Jadi, soalan kita mendengar atau tidak mendengar tidak timbul. Saya berani memberi penerangan, bahawa saya sendiri sebagai seorang Wakil Rakyat dari negeri Sarawak mempunyai pandangan bahawa penduduk-penduduk luar bandar di negeri Sarawak harus diperbetulkan, harus diperbaiki. Dan saya tidak mahu melihat penduduk-penduduk luar bandar di negeri Sarawak, ketinggalan zaman dan dibiarkan kehidupan mereka seperti yang ada sekarang, di mana 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'.

Iniilah kedudukan yang kita harus hendak ubahkan, memberi peluang untuk penduduk-penduduk luar bandar negeri Sarawak menikmati kemajuan dan development yang telah juga dirasai oleh penduduk-penduduk lain di seluruh tanah air kita ini.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dari pembangkang janganlah hendak menggunakan soalan politik dan membiarkan penduduk-penduduk tempatan negeri Sarawak ketinggalan masa dalam pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, kira-kira

Tuan Jawah anak Gerang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Lubok Antu bangun.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapat keterangan sedikit. Dalam soal pampasan dan penempatan semula, saya ingin bertanya kepada menteri berkenaan, sama ada pelajaran atau iktibar yang didapati di Hidro Batang Ai telah diambil kira untuk kebaikan orang di Bakun. Itu berkenaan dengan penempatan semula. Berkenaan dengan pampasan, apa yang diberikan kepada penduduk-penduduk di

Batang Ai, pampasan sekali gus adalah tidak menguntungkan, sama ada pelajaran ini harus juga diambil kira?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu kerana memberi pandangan yang berguna serupa itu.

Sebenarnya, Kerajaan Negeri Sarawak memang mempunyai pengalaman dalam menguruskan satu rancangan hidro elektrik di Batang Ai yang boleh menjadi panduan untuk menentukan cara menempatkan semula penduduk-penduduk di Bakun boleh diuruskan dengan lebih berkesan, dengan lebih baik dibandingkan dengan projek Batang Ai.

Sebenarnya, rancangan Kerajaan Negeri Sarawak ialah, yang pertama, kita berharap pampasan yang akan diberi kepada penduduk-penduduk itu akan juga disalurkan menerusi satu tabung yayasan yang akan diuruskan dan dilaksanakan bagi menjamin masa depan penduduk-penduduk tempatan di kawasan Belaga dan Bakun. Kerana kita khuatir, kalaulah penduduk-penduduk luar bandar yang mungkin tidak mempunyai pengalaman untuk menerima duit banyak sekali gus, mungkin kemampuan mereka untuk menjaga duit yang diterima itu berkurangan. Oleh sebab itu, haruslah digalakkan mereka dapat menyimpan duit pampasan itu untuk menjamin masa depan anak cucu mereka menerusi urusan yayasan yang akan dibangunkan dan diuruskan oleh kerajaan.

Kerajaan Persekutuan juga akan bertanggungjawab

Tuan Michael Lisa Kaya: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri,
Bukit Mas bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada menteri iaitu tadi kita mendengar dan tertarik oleh kerana minat pihak pembangkang mengenai membela nasib Orang Ulu di kawasan Belaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun dari masyarakat keturunan Orang Ulu. Yang saya ingin bertanya di sini, sekiranya pihak pembangkang betul-betul seperti yang mereka mengatakan 'stop Bakun', saya minta menteri menjelaskan, setakat ini apakah perancangan daripada pihak pembangkang untuk membina jalan raya dari Bintulu atau Sibu ke Bakun ataupun Belaga?

Yang kedua, saya ingin juga bertanya, adakah pihak pembangkang khususnya rakan kita di sebelah sana, ada perancangan untuk menempat semula kaum kamilah, keturunan Orang Ulu, berapakah perbelanjaan daripada pihak pembangkang, khas untuk menempat semula supaya kaum masyarakat Orang Ulu tidak ketinggalan zaman.

Dan yang ketiga, sekiranya tidak ada perancangan, minta maaf, minta penjelasan, dengan izin, 'keep quite'.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Bukit Mas, saya hendak tahu, sama ada soalan-soalan tadi itu ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri ataupun kepada pembangkang? *[Ketawa]*

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, baik! Kalau ditujukan kepada menteri, boleh.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, yang setahu saya, pihak pembangkang memang tidak ada rancangan atau program atau hasrat atau tujuan untuk

membantu membangunkan penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak atau di Semenanjung atau di mana-mana tempat pun. [*Tepuk*]

Itu yang setahu saya. Apa yang mereka tahu buat ialah membuat hujah-hujah, membuat ucapan, itu biasa. Jadi, rancangan untuk menentukan nasib penduduk-penduduk tempatan dalam masa depan, saya sendiri minta maaf, saya tidak pernah melihat program dan rancangan yang tertentu. Itu penerangan kepada Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini kira-kira 43,945 hektar atau 63% dari kawasan yang akan ditenggelami air akibat Empangan Bakun merupakan kawasan pertanian pindah atau shifting cultivation, manakala selebihnya kira-kira 25,695 hektar atau 37% adalah kawasan hutan sekunder yang telah dibalok beberapa tahun yang lalu

Masalah pencemaran alam sekitar seperti hakisan tanah dan gangguan ekologi air memang diakui akan berlaku pada peringkat permulaan iaitu semasa kerja-kerja pembinaan dimulakan. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti yang menyebabkan pencemaran tersebut tidak akan dibenarkan di dalam kawasan tadahan air tersebut selepas kawasan tersebut di wartakan. Mengenai pemilihan firma Dong Ah dari Korea pula, ia adalah berdasarkan kepada tender terbuka. Mereka telah mengemukakan tawaran yang setanding dengan spesifikasi yang boleh diterima dan harga yang kompetitif. Inilah nampaknya sikap parti-parti pembangkang yang tidak mahu melihat kejayaan seseorang tetapi hanya mahu mengungkitkan kegagalannya sahaja.

Mengenai kapasiti pengawalan banjir Empangan Projek Hidroelektrik Bakun, tuduhan Ahli Yang Berhormat nampaknya adalah berasaskan kepada tanggapan bahawa, dengan izin, the adjustable volume of reservoir would be very small, dan tidak berasaskan

kepada sebarang perkiraan. Keupayaan Empangan Projek Hidroelektrik Bakun untuk mengawal banjir telah diselidiki dengan sepenuhnya bagi mempelbagaikan beban hidrologi. Keluasan Empangan Bakun boleh menampung dengan izin, probable maximum flood tanpa sebarang masalah dan tidak akan menjejaskan kuantum pengeluaran tenaga elektrik. Mengenai isu eco-tourism, berkaitan dengan projek hidro ini juga, Bakun terletak di kawasan pedalaman dan tidak mungkin boleh dilawati dengan semudah itu tanpa kemudahan infrastruktur dan tarikan produk pelancongan yang akan dibangunkan dalam rangka pelaksanaan projek Hidroelektrik Bakun. Jika sebelum ini Taman Hidupan Liar Batu Laga dan Taman Negara Horse Mountain sukar untuk dihubungi, Empangan Bakun akan memudahkan perjalanan para pelancong yang ingin menikmati alam semula jadi di kawasan hutan dara tersebut melalui pengangkutan air. Disamping itu pembangunan sosio-ekonomi masyarakat tempatan juga akan meningkat akibat dari peningkatan industri eco-tourism di kawasan tersebut.

Mengenai isu-isu yang terkandung di dalam memorandum yang ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya memaklumkan bahawa kerajaan bersikap terbuka untuk menerima teguran-teguran yang membina bagi membangunkan rakyat dan negara juga kebanyakan isu-isu tersebut telah dibincangkan bersama-sama dengan NGOs dalam suatu seminar Bakun yang telah diadakan pada 12hb. Mac tahun ini. Rekabentuk projek telah mengambil kira faktor-faktor mengenai keselamatan dam, hidrological variation, dengan izin, dan kesan-kesan kepada persekitaran, malah program penempatan semula penduduk terbabit akan membantu menyusun semula struktur ekonomi rakyat di luar bandar Sarawak yang masih lagi mempraktikkan pertanian pindah atau shifting cultivation.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan adalah berpuas hati bahawa projek Hidroelektrik Bakun adalah projek jangka panjang yang viable dan least-cost. Pelaksanaannya adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk mempelbagaikan sumber tenaga negara. Penerangan yang meluas mengenainya telah pun dijalankan. Walau bagaimanapun, ternyata yang dari Tanjong masih terus meriakkan keadaan dengan menimbulkan semula isu-isu yang serupa. Yang Berhormat nampaknya masih lagi memainkan irama yang lama, tidak ubah seperti alat pemain rekod usang, dengan izin, 45 RPM Turn Table yang berbunyi ek, ok, ek, ok, jadi kita mendengar itu sahaja - itulah nampaknya.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ada dua peristiwa, satu peristiwa ialah pembatalan pendaftaran IPK - Institut Pengajian Komuniti di Sibul, yang bergerak dalam kempen mengenai Bakun dan satu lagi ialah peristiwa semalam di mana ada wanita-wanita dan kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam satu demonstrasi, tunjuk perasaan mengenai Bakun yang menjadi mangsa keganasan pihak polis dan menunjukkan toleransi kerajaan terhadap kritikan-kritikan mengenai Bakun lebih rendah. Bahawa kuasa Ekran, Tan Sri Ting Pek Khiing nampaknya lebih besar di mana kuasa-kuasa itu digunakan untuk menghancurkan semua suara-suara yang menentang Bakun dan sekarang pun disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Adakah beliau mewakili rakyat Sarawak atau beliau mewakili Tan Sri Ting Pek Khiing?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong memanglah sentiasa membuat tuduhan dan anggapan yang tidak betul sekali.

Berkaitan dengan satu badan yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang terletak di Sibui, saya difahamkan mereka melibatkan diri dalam kerja-kerja yang tidak dibenarkan mengikut registration mereka.

Jadi, kalau tidak silap saya mereka yang terlibat ialah Mr. Wong, saya pun terlupa namanya, tetapi Wong Ming Chong, yang kalau tidak silap saya beliau juga wakil parti DAP. Mungkin mereka menjadi agen untuk menyuarakan pandangan-pandangan parti DAP di negeri Sarawak untuk mengelirukan pandangan rakyat di negeri tersebut.

Berkaitan dengan tindakan semalam oleh pihak-pihak polis yang dikatakan tersiar di dalam akhbar tempatan, mengikut laporan akhbar itu, mereka yang membuat kumpulan adalah tidak mempunyai permit yang tertentu dan sudah tentu kalau mereka mempunyai permit-permit yang betul dan sah dengan meminta kebenaran dari pihak polis, sudah tentu mereka boleh membuat pandangan dan membuat perkumpulan di tempat-tempat seperti di Padang Merbok. Walaupun demikian, mereka tidak mendapat kebenaran dan tidak mempunyai permit tertentu dan saya berharaplah kalau kita hendak mengamalkan tindakan secara demokratik dan sebagainya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Tajong, kita juga harus mengikut prosedur-prosedur yang tertentu. Kita tidak harus mengambil tindakan untuk mengenyahkan prosedur yang ada di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan projek Bakun sebenarnya adalah merupakan satu-satunya projek yang paling meluas diperbincangkan. Sebilangan besar daripada masyarakat umum, termasuk non-governmental organisation telah berpeluang untuk mengemukakan pendapat mereka. Risalah-risalah juga telah diedarkan secara berleluasa oleh pihak-pihak yang tidak merestui pelaksanaan projek tersebut. Malah pihak DAP sendiri telah pun dengan bebas menganjurkan satu seminar mengenai projek

Bakun. Jadi, semua ini dibiarkan dan semua ini diterima oleh kerajaan sebagai perkara biasa di dalam negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi, tetapi sebaliknya ada juga mereka, seperti Yang Berhormat dari Tanjong yang nampaknya sengaja menutup mata kepada keikhlasan kerajaan di dalam menangani isu projek Bakun ini.

Kita merasa sangsi terhadap keikhlasan dan kredibiliti Yang Berhormat dari Tanjong sendiri apabila beliau berhujah mengenai akauntabiliti dan transparency seperti yang dinyatakan oleh bekas rakan beliau Dr. Kua Kia Soong, bekas Ahli Parlimen DAP bagi kawasan Petaling dalam buku beliau "Inside The DAP 1990 - 1995". Mengikut pandangan buku itu perbincangan terbuka, kebebasan menyuarakan pendapat yang bertentangan nampaknya bukanlah sebahagian daripada budaya DAP yang di bawah pimpinan Yang Berhormat dari Tanjong. Dengan ucapan-ucapan demikian, saya memberi terima kasih kepada semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

5.51 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Titah Ucapan Diraja mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya kerajaan meningkatkan usaha mengekalkan kualiti barangan eksport negara lebih-lebih lagi kerana kita banyak menggunakan buruh asing yang kurang mahir, sukacitanya saya menjelaskan bahawa kerajaan sememangnya mementingkan kualiti barangan eksport Malaysia ke pasaran antarabangsa terutama dalam keadaan pasaran dunia sekarang yang semakin bersaing.

Berbagai langkah yang telah dan sedang diambil untuk meningkatkan kualiti barangan yang dikeluarkan untuk pasaran tempatan dan antarabangsa. Langkah-langkah tersebut meliputi pengamalan sistem ISO, kelulusan SIRIM terhadap setengah barangan untuk menjamin barangan berkenaan mematuhi tahap kualiti yang memuaskan sebelum dijual, pengiktirafan syarikat yang mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi dengan pemberian Quality Awards, dengan izin. Di samping itu, kerajaan sedang berusaha mendirikan pusat kualiti di kawasan-kawasan industri tertentu untuk memberi khidmat nasihat kepada para industri mengenai kualiti pembuatan.

Mengenai teknologi, kerajaan menyedari bahawa sesetengah teknologi yang diimport mempunyai hayat yang terlalu pendek dan perlu digantikan baru dalam masa yang singkat. Namun demikian, di zaman sekarang di mana perubahan teknologi berlaku dengan begitu cepat, Malaysia perlu mengikuti perkembangan teknologi dunia dengan rapat supaya sentiasa dapat memperolehi teknologi yang terkini. Oleh itu, kerajaan akan meningkatkan keupayaan sistem pengumpulan maklumat teknologi, dengan izin, technology database, serta mengadakan sistem mengesan perkembangan teknologi, dengan izin, technology tracking pada masa ini melalui perjanjian teknikal dan bayaran

royalti di antara syarikat tempatan dan syarikat asing. Kerajaan setakat ini dapat mengawal kemasukan mutu teknologi yang dibawa oleh pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tawau supaya pelabur asing dan pelabur dari Semenanjung diberi insentif untuk melabur di Tawau bagi mewujudkan peluang pekerjaan, Kerajaan Persekutuan masih mengamalkan dasar untuk menggalakkan pelabur di semua negeri di Malaysia termasuk Sabah tetapi tekanan diberi kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti negeri-negeri di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan telah mengamalkan satu pakej insentif khusus untuk negeri-negeri di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Melalui pakej insentif ini, beberapa keluaran dan aktiviti-aktiviti yang tidak lagi digalakkan di koridor barat Semenanjung Malaysia telah dimasukkan sebagai keluaran dan aktiviti tambahan yang digalakkan di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Selain daripada galakan taraf perintis atau elaun cukai pelaburan, pakej insentif ini juga meliputi elaun infrastruktur sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal, pengecualian duti import sepenuhnya dan galakan pusingan kali kedua bagi taraf perintis atau elaun cukai pelaburan. Pakej insentif ini menawarkan kadar pelepasan cukai yang lebih baik berbanding dengan insentif yang sama yang ditawarkan kepada projek-projek yang ditempatkan di luar koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pakej insentif itu, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan beberapa insentif tambahan untuk industri berdasarkan kayu dan

rotan yang bertujuan untuk membangunkan lagi aktiviti-aktiviti hiliran industri berkenaan terutama sekali di negeri Sabah dan Sarawak yang mempunyai sumber hutan yang luas.

Beberapa insentif-insentif tambahan adalah diberi khas untuk pengeluaran barangan berasaskan kayu dan rotan di Sabah dan Sarawak sahaja iaitu:

- (i) pengeluar-pengeluar barangan berasaskan kayu dan rotan tidak termasuk kayu gergaji dan vinyl di Sabah dan Sarawak untuk pasaran eksport dan tempatan adalah layak mendapat insentif;

Tuan Yunof Edward Maringking: [*Bangun*].

- (ii) pengeluar-pengeluar berasaskan kayu dan rotan....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuaran bangun, Tuaran.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai insentif pengeluaran untuk maksud eksport bagi pengusaha-pengusaha di Sabah. Satu daripada pengusaha yang terbesar ataupun syarikat yang mengusahakan atau mengeluarkan hasil kayu kayan di Sabah ialah Easifive. Jadi, saya difahamkan sejak bertahun-tahun dahulu layanan kerajaan dan walaupun syarikat ada memohon supaya tarif eksport dimansuhkan untuk membolehkan syarikat itu bersaing, tetapi kemudahan ataupun peluang ini tidak diberi sehingga Syarikat Easifive hampir muflis dan saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bilakah insentif seperti yang dikatakan itu diperkenalkan dan kenapa tidak diberi kepada Syarikat Easifive dahulu? Terima kasih.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu spesifik pada saat ini, saya tidak ada maklumat-maklumat untuk Ahli Yang Berhormat. Jika Yang Berhormat ingin tahu perkara ini tolong tulis kepada kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambungkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, teruskan.

Tuan Kerk Choo Ting:

- (ii) pengeluar-pengeluar berasaskan kayu dan rotan tidak termasuk kayu gergaji dan vinyl di Sabah dan Sarawak untuk pasaran eksport adalah layak melanjutkan taraf perintis selama lima tahun lagi tanpa perlu memenuhi syarat modal dan tenaga kerja;
- (iii) pengecualian duti import dan cukai sepenuhnya diberikan kepada bahan mentah dan komponen yang digunakan dalam pembuatan barangan berasaskan kayu dan rotan;
- (iv) pengeluar-pengeluar yang mengeksportkan barangan yang berasaskan kayu dan rotan kecuali kayu gergaji dan vinyl layak mendapatkan potongan dua kali ke atas kos pengangkutan kapal yang ditanggung oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif yang ditawarkan oleh kerajaan adalah terbuka kepada semua pelabur asing dan tempatan dari Malaysia kepada projek-projek yang ditempatkan di seluruh negara atau beberapa negeri tertentu di Malaysia dan tidak dihadkan kepada Tawau sahaja.

Walau bagaimanapun, salah satu komponen pakej insentif iaitu galakan pusingan kali kedua adalah bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat perkilangan yang dimiliki oleh pelabur-pelabur asing atau tempatan yang sedang beroperasi di

Semenanjung Malaysia membesarkan operasi mereka dengan membuka kilang-kilang baru di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak, termasuk Tawau.

Juga dimaklumkan bahawa pada masa ini MITI tidak lagi meluluskan lesen pengilang kepada projek-projek yang berintensifkan buruh, that is 'the labour intensive', dengan izin, iaitu projek yang mempunyai nisbah pelabur modal bagi seorang pekerja ialah RM55,000 atau kurang kecuali projek-projek koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, termasuk Tawau.

Oleh itu, secara tidak langsung, dasar baru ini akan menggalakkan pelabur-pelabur asing dan tempatan melabur dalam projek-projek yang berintensifkan buruh yang banyak mewujudkan peluang bekerja di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, termasuk Tawau.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tambun supaya kilang-kilang kecil dan sederhana membuka peluang aktiviti kepada masyarakat setempat di mana kilang-kilang didirikan, sukalah saya maklumkan bahawa rancangan untuk pembangunan sesuatu kawasan tapak perindustrian untuk industri kecil dan sederhana telah pun mengambil kira peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk-penduduk setempat seperti peluang pekerjaan, pembekalan bahan-bahan dan perkhidmatan serta penglibatan usahawan tempatan dalam aktiviti pengilangan di kilang-kilang IKS itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bantuan kerajaan kepada projek kereta Proton dan masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli kereta Proton seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan, suka saya jelaskan bahawa melalui pembangunan projek kereta Proton, kerajaan menjangka akan memesatkan lagi

pembangunan industri-industri komponen dan sokongan lain bagi diusahakan bersama oleh lebih ramai rakyat.

Untuk itu, bantuan dan insentif pelaburan yang diberikan kepada Proton di peringkat awal pelaksanaannya merupakan usaha kerajaan untuk menjamin kejayaan projek tersebut. Namun begitu, kerajaan tidak berhasrat untuk mengekalkan bantuan dan insentif itu selama-lamanya. Pengurangan ini dilakukan peringkat demi peringkat mulai tahun yang keempat Proton beroperasi bagi membolehkannya beroperasi dengan cekap untuk bersaing dengan jayanya di pasaran tempatan dan eksport.

Berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli kereta Proton, MITI menyedari bahawa di dalam keadaan di mana permintaan melebihi penawaran, kes-kes yang melibatkan pembeli tidak diberi pilihan sering berlaku. Namun begitu, usaha-usaha akan terus diambil oleh kerajaan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk memastikan supaya kepentingan pembeli dilindungi.

Selain daripada itu, Proton juga berusaha untuk meningkatkan jumlah pengeluarannya. Mengikut perancangan, pengeluaran akan meningkat daripada 180,000 unit setahun kepada 290,000 unit di tahun 1998 dan melebihi setengah juta unit menjelang tahun 2000. Usaha bagi menambah modal dan variant keluarannya juga dipergiatkan supaya pihak pembeli dapat mempunyai pilihan.

Di samping itu, kerajaan juga akan terus mengawal selia dan membantu industri kereta motor tempatan untuk memastikan agar syarikat-syarikat pengeluar kereta nasional mempunyai program bagi mengurangkan kos pengeluaran masing-masing serta meningkatkan jualan di pasaran eksport.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Senai yang membangkitkan usaha-usaha kerajaan untuk membuka peluang perdagangan kepada usahawan-usahawan Malaysia untuk berdagang di negara-negara dunia ketiga, saya ingin menyatakan bahawa di samping usaha kerajaan mengekal dan mengukuhkan hubungan perdagangan antara Malaysia dan rakan-rakan dagang utama seperti Amerika Syarikat, Singapura, Hong Kong, Jepun dan United Kingdom, Malaysia juga memberi tumpuan ke arah memperluas dan memperkembangkan perdagangan dan pelaburan dengan negara Selatan, terutamanya dengan negara-negara di Benua Afrika, Asia Barat, Asia Selatan, Latin Amerika dan kepulauan Pasifik.

Negara Selatan menjadi pasaran penting bagi Malaysia memandangkan perkembangan ekonomi negara-negara tersebut juga berkembang dengan pesatnya. Bagi meningkatkan serta membuka peluang perdagangan dan pelaburan kepada usahawan Malaysia di negara Selatan, kerajaan telah mengambil inisiatif mengadakan misi pelaburan dan perdagangan. Tujuannya ialah untuk menarik pelabur asing ke Malaysia, menggalakkan pelaburan Malaysia di luar negeri dan juga meningkatkan eksport. Misi perdagangan dan pelaburan ini juga membolehkan syarikat swasta yang turut bersama untuk membuat perbincangan secara terus dengan syarikat asing di negara tersebut.

Malaysia juga telah mempunyai program.....

Tuan Yunof Edward Maringking: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tuan bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai penggalakan rakyat Malaysia untuk melabur di luar negara.

Saya kurang faham kerana sementara negara kita ingin menarik seberapa banyak pelabur asing ke dalam negara kita sehingga kita memberi berbagai-bagai insentif supaya mereka datang ke mari. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan pula menggalakkan rakyat Malaysia membawa keluar pelaburan ke negara asing.

Jadi, dua perkara yang saya tidak faham. Adakah ini boleh memberi gambaran yang tidak sihat kepada pelabur asing bahawa iklim pelaburan di negara kita ini tidak begitu menarik sehinggakan rakyat kita sendiri pergi ke luar negara?

Yang kedua, bagaimanakah ini boleh memberi manfaat kepada negara? Kalau pelabur-pelabur di dalam negara kita sendiri tidak mahu melabur di dalam negara kita untuk industri-industri yang berorientasikan eksport, siapa yang kita harapkan untuk melakukan itu? Itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, jawapan masalah ini senang sahaja. Tiap-tiap negara mempunyai competitive advantage tersendiri dalam sektor-sektor ekonomi. Umpamanya di Malaysia kita mempunyai competitive advantage dalam sektor ekonomi seperti dalam industri kelapa sawit, industri getah, industri kayu-kayan dan sebagainya. Jadi, di negara-negara yang tidak mempunyai competitive advantage dalam sektor ini, kita melaburkan industri kita di sana. Dan di negara kita di dalam sektor-sektor yang lain di mana kita tidak mempunyai competitive advantage, kita menarik pelabur-pelabur yang mempunyai teknologi dan modal datang ke sini untuk melabur. Dengan cara itu, kita dapat memanfaatkan daripada negara lain dan juga kita mendapatkan

keuntungan di luar negeri dan keuntungan itu boleh dipulangkan kepada Malaysia. Inilah rasional di dalam menarik pelaburan dan juga melabur di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga telah mempunyai program bagi mempromosikan perdagangan dan pelaburan Malaysia di luar negara melalui syarikat-syarikat perdagangan am, mengadakan seminar dan pameran perdagangan serta menyertai pameran perdagangan yang dianjurkan di peringkat antarabangsa. Malaysia juga aktif di dalam mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan kerjasama perdagangan dengan negara Selatan melalui pertubuhan antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Negara-negara Islam, Kumpulan G15, Kerjasama Selatan-Selatan dan APEC.

Kerajaan juga telah meningkatkan hubungan dua hala dengan negara-negara perdagangan melalui mekanisme-mekanisme yang boleh membantu dan memperkukuhkan interaksi di antara Malaysia dengan negara tersebut. Antaranya ialah mengadakan Jawatankuasa Ekonomi dan Perdagangan Bersama dan menandatangani perjanjian-perjanjian dua hala seperti perjanjian perdagangan, perjanjian jaminan pelaburan, perjanjian mengelakkan cukai dua kali, perjanjian perkhidmatan-perkhidmatan udara, perjanjian perkapalan, perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik dan kebudayaan dan skim peraturan kredit dan pembiayaan minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Senai mencadangkan supaya syarikat-syarikat multinational corporation (MNC), dengan izin, membuka peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan dan memindah kepakaran di samping meningkatkan penggunaan bahan-bahan tempatan dan pengeluarannya. Dalam negara ini menuju ke arah menjadi sebuah negara perindustrian, pelaburan asing sentiasa mempunyai peranan dalam ekonomi. Dengan itu, syarikat-syarikat MNC di negara ini

sememangnya memainkan peranan penting dalam penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan. Untuk tujuan tersebut juga, kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai galakan untuk menarik pelaburan oleh syarikat-syarikat MNC, di antaranya galakan ekuiti dan perjanjian pemindahan teknologi.

Galakan-galakan ini, di samping memastikan pengambilan bahagian oleh pekerja tempatan di dalam pengurusan syarikat-syarikat MNC juga dalam syarikat pengurusan, syarikat-syarikat MNC juga mempunyai peruntukan perjanjian latihan pekerja tempatan di pusat-pusat latihan MNC dan latihan-latihan dalaman. Peruntukan tersebut menjelaskan antaranya tentang jumlah personel yang akan dilatih, kos latihan bagi bidang-bidang latihan dan kemudahan-kemudahan latihan yang disediakan. Dengan itu, pekerja tempatan dapat memanfaatkan pemindahan teknologi walaupun kadar dan intensitinya perlu dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, galakan pemindahan kepakaran dari syarikat MNC juga disalurkan melalui Program Pembangunan Vendor yang merupakan teras program pembangunan industri kecil dan sederhana di Malaysia. Program Pembangunan Vendor ini bertujuan membina pasaran industrial, dengan izin, di mana industri-industri kecil dan sederhana dipupuk untuk menjadi pengeluar dan pembekal input industri seperti peralatan dan jentera yang digunakan oleh industri-industri besar dan syarikat multinasional.

Program Pembangunan Vendor ini bukan sahaja dapat memperkukuhkan integrasi dan rangkaian antara industri kecil dan sederhana dengan syarikat-syarikat MNC dan institusi kewangan, tetapi ia juga dapat menyumbang ke arah hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan pengguna bahan tempatan dan pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemasukan pelaburan asing atau foreign direct investment, dengan izin, berlakunya pemindahan teknologi dari MNC kepada syarikat-syarikat tempatan. Ini dapat dilihat melalui berbagai perjanjian teknikal, perjanjian cap dan design yang telah ditandatangani di antara syarikat MNC dengan syarikat tempatan. Di samping itu, kerajaan juga sedang berusaha untuk meningkatkan keupayaan tempatan supaya syarikat tempatan dapat menguasai teknologi yang dipindahkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin supaya kerajaan berunding dengan pemaju dan kontraktor Jepun yang telah mendapat kontrak di Malaysia agar tidak mengimport semua keperluan mereka dari Jepun dengan untuk mengurangkan imbalance perdagangan, sukacita saya maklumkan bahawa pihak kerajaan memang telah pun mengambil langkah ke arah itu serta menyarankan kepada pemaju dan kontraktor menggunakan bahan-bahan binaan, jentera-jentera dan peralatan keluaran tempatan dalam melaksanakan projek-projek di Malaysia. Di samping itu, kerajaan juga mengambil langkah-langkah lain untuk meningkatkan eksport barangan Malaysia ke pasaran Jepun.

Langkah-langkah yang telah diambil termasuk menyertai pameran-pameran di Jepun, membuat misi perdagangan khas, mengadakan rundingan pemasukan pasaran Jepun melalui dialog di antara MITI Malaysia dengan MITI Jepun dan menganjurkan seminar khas seperti cara untuk menembusi pasaran Jepun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas supaya PNB menubuhkan jemaah syariah untuk mengkaji syarikat-syarikat yang dilaburkan supaya tidak bertentangan dengan syariat Islam, ianya penting bagi memastikan pulangan yang diterima melalui ASN/ASB tidak bercanggah dengan syariat

Islam dan halal. Saya ingin memaklumkan bahawa PNB adalah sebuah institusi amanah yang diiktiraf dan diberi keutamaan di dalam pembahagian saham-saham khas yang dibuat oleh MITI. Pada kebiasaannya, kementerian akan memaklumkan kepada PNB mengenai saham-saham khas yang akan ditawarkan.

PNB diberi jangka masa tertentu untuk meneliti latar belakang syarikat-syarikat yang menawarkan saham-saham berkenaan. Dengan hal yang demikian, maka sudah tentu pihak PNB mempunyai masa yang secukupnya untuk menilai aktiviti yang dijalankan oleh syarikat berkenaan untuk memastikan ianya tidak bercanggah dengan dasar pelaburan PNB dan tidak menimbulkan rasa was-was pelabur ASN/ASB.

Berdasarkan pengalaman MITI pada masa lalu, walaupun PNB diberi keutamaan semasa tawaran saham-saham bumiputera, tetapi PNB akan menolak tawaran saham-saham syarikat-syarikat tertentu yang pada pandangan PNB aktiviti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat berkenaan adalah meragukan atau bercanggah dari segi hukum Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Kementerian Pertanian.

6.23 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan, Kedah telah memohon supaya peruntukan yang lebih diberi kepada FAMA bagi membantu Skim Program

Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) serta dapat membantu mempertingkat dan menebus kembali maruah kemiskinan di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan FAMA di dalam Program PPRT tertumpu kepada aktiviti di bawah dua program iaitu penyertaan petani di dalam pemasaran dan menjamin ruang pemasaran. Jumlah peruntukan bagi menjayakan projek-projek PPRT dalam tahun 1995 misalnya ialah RM400,000. Projek yang dijalankan ialah:

- (i) Penyertaan petani didalam pemasaran.
- (ii) Projek khas Pasar Tani Bakti telah dilaksanakan untuk penyertaan peserta-peserta PPRT terpilih.

Terdapat dua buah Pasar Tani Bakti yang beroperasi dengan aktif, yang melibatkan 34 orang peserta. Di samping itu, 133 orang peserta telah diberi menyertai pasar tani di negeri-negeri Selangor, Kelantan, Sabah, Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Perlis. Mereka telah berjaya memperolehi pendapatan melebihi RM400 sebulan dan dengan itu bolehlah dikeluarkan dari senarai PPRT.

FAMA juga menyediakan kemudahan-kemudahan peralatan sebagai sokongan kepada peserta PPRT yang melibatkan diri di dalam aktiviti dalam pemasaran atau pemerosesan pertanian. Peralatan tersebut ialah seperti mesin memproses ayam, mesin tebu, mesin kelapa, kerepek dan alat-alat lain yang berkaitan.

Sehingga kini bilangan peserta yang telah mendapat faedah di bawah program ini ialah seramai 387 orang. Program khusus untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta motivasi peserta-peserta PPRT telah diadakan sebagai program pakej bagi penglibatan peserta di dalam projek-projek PPRT FAMA. Sebanyak 15 kursus dan

lawatan sambil belajar yang melibatkan 1,202 peserta PPRT telah diadakan sepanjang tahun 1995.

Yang kedua, di bahagian menjamin ruang pasaran bagi memastikan penglibatan peserta PPRT yang berkesan secara berterusan di dalam aktiviti pemasaran atau urusanniaga, kemudahan gerai jualan yang lebih sempurna telah diadakan. Gerai-gerai jualan diwujudkan di tempat-tempat yang berpotensi dari segi urusanniaganya untuk dikendalikan oleh peserta-peserta terpilih. Sejumlah 29 unit gerai jualan telah disediakan di samping sebuah pusat memproses hasil-hasil pertanian diadakan untuk memproses produk pertanian seperti kacang tanah dan halia yang melibatkan peserta PPRT di Sabah.

Di peringkat ladang, FAMA juga menyediakan pusat pengumpulan ladang bagi memudahkan pasaran, pemasaran hasil keluaran PPRT yang mana sebanyak 3 buah pusat pengumpulan ladang yang aktif dan melibatkan 41 peserta.

Penyediaan kemudahan ruang niaga separuh kekal dan peralatan sokongan juga disediakan bagi menggalakkan peserta PPRT dalam pemasaran dan perniagaan berkaitan. Seramai 11 orang peserta telah diberi bantuan dan sokongan. FAMA juga telah mula menceburkan diri dalam pemasaran 'floriculture' dan aktiviti landskap pada tahun 1995. Melalui projek ini program khas yang melibatkan peserta PPRT telah diperkenalkan. Peserta-peserta yang dipilih diberi peluang mengeluarkan tanaman hiasan dan bunga-bunga, melalui bantuan dan bimbingan FAMA dan pemasaran hasil-hasilnya kelak dibuat melalui FAMA. Pada masa ini beberapa negeri iaitu Kelantan, Perak, Pahang dan Terengganu telah memulakan projek ini yang melibatkan 234 orang peserta PPRT.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan juga telah mengalu-alukan supaya kerajaan mengambil langkah memelihara sungai serta mengadakan lebih kerap

lagi ‘Kempen Cintailah Sungai Kita’ untuk menanamkan kesedaran pada rakyat bahawa pencemaran sungai boleh mendatangkan kesusahan. Beliau juga menggesa supaya Sungai Kelang diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa ‘Kempen Cintailah Sungai Kita’ yang dijalankan oleh Jabatan Perairan dan Saliran telah dimulakan pada tahun 1993 dan ini merupakan program yang berterusan sehinggalah objektif memulihkan sungai-sungai yang tercemar tercapai. Sejak bermulanya kempen ini beberapa aktiviti tetap telah dan sedang dilaksanakan dan di antaranya ialah termasuk Program Sungai Angkat; Program Pemerhatian Sungai; Program Pendidikan; Program Pengindahan Sungai; Program Ekspedisi Sungai; Simposium Antarabangsa dan Bulan Cintailah Sungai Kita.

Kekerapan kempen yang dijalankan di peringkat negeri dan daerah adalah bergantung kepada sumber kewangan yang disediakan dan juga kakitangan. Kajian maklum balas, kempen yang telah dijalankan oleh JPS menunjukkan bahawa kesedaran mengenai kempen telah mencapai ke tahap 83%. Di bawah fasa kedua kempen.....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya tertarik kepada angka yang diberi oleh Yang Berhormat mengenai maklum balas ke atas kempen tersebut. Apakah kriteria yang digunakan untuk mengatakan kejayaan 85%, kerana Yang Berhormat, di seluruh negara kita dapati amalan untuk membuang sampah di dalam sungai dan juga di dalam laut itu masih berleluasan dan amalan ini tidak dikurangkan, sama ada ada kempen ataupun tidak ada kempen? Saya tidak mempertikaikan kempen

ini, kita berharap kempen ini dapat dijayakan, tetapi pada pendapat saya kempen ini tidak begitu berkesan, cuma dari segi publisiti memang ada, kita pun perlu publisiti untuk menyedarkan orang-orang seperti sebelah sana yang tidak begitu faham mengenai.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kepong!

Dr. Tan Seng Giaw: betapa pentingnya kita bersihkan sungai ini.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Memang sebagaimana yang telah Yang Berhormat tegaskan bahawa kebanyakan parti pembangkang ini memang tidak meyakini apa yang dikatakan oleh kerajaan, sedangkan kerajaan mempunyai kakitangan an tanggungjawab dalam menyelesaikan masalah terutama sekali tentang Kempen Cintailah Sungai Kita ini. Salah satu kriteria yang telah dapat dikesan bahawa tabiat membuang sampah dalam sungai dan di pinggir-pinggir sungai boleh dikatakan dapat dikurangkan lebih daripada 60%, di mana-mana sahaja selalunya pembuangan sampah di tepi-tepi sungai, kini boleh dikatakan telah dapat dihindarkan, walaupun tidak seratus peratus sebagaimana Yang Berhormat katakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Yang kedua,

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah suntuk, Yang Berhormat diminta sambung besok.

Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

